



● BIL 254 ● 15 - 21 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



KWSP | EPF

KAUNTER SYARIAH MELONJAK DIVIDEN MENINGKAT 5.4%

➤➤ 3

Rodziah fokus bangun
Ampang harmoni

>> 5

Berapa banyak nak
makan?

>> 9-11

Umat Islam sambut
bulan penuh barakah

>> 12



PERBADANAN Pembangunan Kampung Bharu (PKB) juga akan memastikan hak dan kepentingan orang Melayu di Kampung Baru terpelihara

Beberapa kriteria tidak sepadan ciri-ciri warisan dunia UNESCO

Tiada cadangan angkat Kampung Baru

AZLAN ZAMBRY

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** berkata pihaknya tidak bercadang untuk mengangkat Kampung Baru sebagai tapak warisan dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) kerana ia akan menyebabkan sebarang cadangan pembangunan di kawasan itu tidak dapat diteruskan.

Katanya, hala tuju dasar untuk membangunkan semula Kampung Baru akan dikekalkan selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Kampung Bharu 2040 (PIPKB 2040) sebagai hala tuju perancangan dan pembangunan semula Kampung

Baru untuk tempoh 20 tahun akan datang.

“Pelan Induk ini akan menjadi rangka utama dan panduan utama dalam pembangunan serta pembaharuan semula Kampung Baru.

“Selain itu Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) juga akan memastikan hak dan kepentingan orang Melayu di Kampung Baru terpelihara.

“Percayalah, kerajaan akan berusaha mengangkat Kampung Baru sebagai Bandar Melayu yang tersergam dengan megah di Kuala Lumpur,” katanya pada sidang Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak) yang bertanya adakah kerajaan mempunyai

cadangan untuk menjadikan Kampung Baru di Kuala Lumpur digazetkan sebagai tapak warisan UNESCO

Zaliha berkata pengiktirafan warisan mempunyai tiga peringkat bermula daripada tapak warisan, yang diberikan oleh Jabatan Warisan Negara, diikuti oleh warisan negara, yang diberikan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, dan kemudian barulah warisan dunia, yang diberikan oleh UNESCO.

“Pengiktirafan warisan di ketiga-tiga peringkat ini mempunyai beberapa kriteria yang perlu dipenuhi dan sesetengahnya tidak dapat dipadankan dengan ciri-ciri semasa Kampung Baru,” katanya.

Menurut Zaliha, antara perkara yang menjadi panduan pembangunan Kampung Baru adalah nilai kebudayaan dan pemuliharaan warisan alam bina, perancangan inovatif dalam pembangunan tanah.

“Selain itu, antara komponen yang turut ditekankan adalah pemuliharaan dan penjanaan semula kawasan bagi membentuk persekitaran berkualiti dan berdaya huni serta yang paling utama, menjaga kepentingan pemilikan orang Melayu,” katanya.

Ujar Zaliha, semenjak tertubuhnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1974, terdapat beberapa kawasan di dalam tanah Penempatan Pertanian Melayu (MAS) yang

telah dimajukan.

“Kini hanya ada sebilangan kecil sahaja rumah-rumah berciri tradisional yang masih kekal. Antara yang wujud sehingga sekarang adalah Rumah Limas, Rumah Johor, dan Rumah Bumbung Panjang di atas tanah milik individu.

“Selain itu juga, terdapat bangunan yang mempunyai nilai sejarah seperti Kelab Sultan Sulaiman, yang terletak di Jalan Kelab Dewan Sultan Sulaiman. Bangunan ini masih wujud sehingga sekarang dan ia bawah kawal selia Kerajaan Negeri Selangor dan bangunan ini masih belum tersenarai sebagai tapak yang diwartakan di bawah Jabatan Warisan Negara,” katanya.

Hartanah di bawah MAS dilindungi dengan sekatan

SETIAP rancangan pembangunan di Kampung Baru akan melibatkan penyertaan bersama pemilik tanah dan pihak berkepentingan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Jelas beliau, pemilikan hartanah di Kampung Baru ini adalah di bawah kawasan Penempatan Pertanian Melayu (MAS) dan ia dilindungi dengan sekatan kepentingan selaras dengan akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) 2011 iaitu Akta 733.

“Ia bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara kepentingan orang Melayu dan Kampung Baru akan dipromosikan sebagai bandar Melayu di dalam Kuala Lumpur.

“Selaras dengan akta ini tadi visi Pelan Induk Pembangunan Kampung Bharu 2040, Kampung Baru sebagai pusat perdagangan dan penempatan yang inklusif di



PEMBANGUNAN Kampung Baru dilindungi dengan sekatan selaras dengan Akta 733.

Kuala Lumpur,” katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang

dikemukakan Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak) yang bertanya adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menjadikan

Kampung Baru di Kuala Lumpur digazetkan sebagai tapak warisan UNESCO.

Tambah Zaliha, kerajaan turut memberikan penekanan terhadap pembangunan yang berupaya meningkatkan sosio ekonomi bersama supaya ia dimiliki dan berdaya huni disamping mengekalkan nilai persekitaran tempatan di bandaraya Kuala Lumpur

Menurut Zaliha, kerajaan juga merancang untuk menaiktaraf prasarana di kawasan itu dan telah mewujudkan lot-lot tertentu untuk pembangunan tertentu untuk tarikan pelancong tempatan dan asing ke Kampung Baru.

“Contohnya di Jalan Raja Alang, kita akan menjadikannya sebagai Kampung Baru Shopping Street yang bertujuan untuk aktiviti perniagaan hasil tempatan dan tradisional orang Melayu seperti barangan seni, kraftangan dan barangan tradisional

Melayu dan ini seperti juga cenderamata.

“Begitu juga Jalan Raja Muda Musa, yang ini kita jadikan sebagai Kampung Baru Food Heaven dan sebenarnya banyak lagi perancangan yang akan dilaksanakan,” katanya.

Beliau juga menyeru kepada semua pihak untuk turun sendiri ke Kampung Baru untuk melihat sendiri bagaimana kerajaan cuba mengekalkan nilai-nilai dan tradisi Melayu di sana.

Dalam pada itu, Zaliha akan menemui sendiri baki 34 buah keluarga yang masih menghuni di Flat PKNS yang turut terlibat dalam projek pembangunan semula di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru.

Ujarnya, keseluruhan kawasan itu melibatkan 328 buah unit dan mengikut data sudah lebih 75 peratus yang telah bersetuju untuk membangunkan kawasan itu.

KWSP umum peningkatan dividen

Jurang dua jenis simpanan dikecilkan

SYED HAZIQUE

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan kadar dividen 5.50 peratus untuk simpanan konvensional dengan jumlah pembayaran sebanyak RM50.3 bilion dan 5.40 peratus untuk simpanan syariah berjumlah RM7.5 bilion.

Ia sekali gus menjadikan jumlah pembayaran keseluruhan untuk tahun 2023 sahaja sebanyak RM57.8 bilion.

Kadar itu lebih tinggi berbanding 5.35 peratus bagi simpanan konvensional dan 4.75 peratus untuk simpanan syariah bagi tahun 2022.

Sementara itu, sebelum ini, Menteri Kewangan II, **Datuk Seri Amir Hamzah Azizan** menyatakan jurang di antara kadar dividen 2024 bagi simpanan konvensional dan syariah berjaya dikurangkan jika dibandingkan tahun-tahun sebelum ini.

Jika dilihat, perbezaan kadar dividen simpanan konvensional dan syariah pada 2023 sebanyak 0.10, 2022 (0.60), 2021 (0.45), 2020 (0.30) dan 2019 (0.45).

Jelas menunjukkan bagi tahun 2023 nilai jurang itu yang paling kecil berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP,



KWSP catat jumlah pendapatan pelaburan RM66.99 bilion bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

Ahmad Zulqarnain Onn, berkata perbezaan jurang dividen tersebut adalah berdasarkan prestasi-prestasi saham berkaitan dengan teknologi terutamanya di Amerika Syarikat (AS) berprestasi lebih baik pada tahun 2023.

Beliau berkata, sebahagian daripada syarikat-syarikat teknologi tersebut adalah berkaitan syariah.

Tambahnya, ia jelas menunjukkan prestasi yang

cemerlang akan menyokong pulangan yang baik bagi simpanan syariah.

"Prestasi pasaran ekuiti terutama di AS dipacu tujuh syarikat teknologi. Sebahagian syarikat teknologi adalah syarikat syariah, justeru pulangan dalam syariah meningkat," katanya.

Menurut Ahmad Zulqarnain kepelbagaian portfolio dan pengurusan dana yang aktif

membolehkan KWSP untuk mengisytiharkan kadar dividen lebih baik untuk 2023.

"Agihan dividen RM57.81 bilion akan memanfaatkan lebih 16 juta ahli KWSP, merangkumi individu dari kedua-dua sektor formal dan informal," katanya.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, KWSP mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan RM66.99 bilion,

meningkat 29 peratus berbanding RM51.91 bilion pada 2022.

Daripada RM66.99 bilion jumlah pendapatan pelaburan itu, RM5.72 bilion dijana daripada keuntungan *mark-to-market* (MTM) sekuriti yang belum direalisasikan dan tidak akan menjadi sebahagian daripada pengagihan dividen.

Sehingga Disember 2023, aset pelaburan KWSP mencecah RM1,135.82 bilion, di mana 62 peratus daripadanya dilaburkan dalam pasaran domestik.

Bagi 2023, pelaburan domestik menjana RM31.71 bilion atau 47 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan, yang memberikan kestabilan kepada keseluruhan pendapatan pelaburan KWSP.

Pelaburan asing menjana RM35.28 bilion, atau 53 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan yang dicatatkan.

Sebanyak RM58.97 bilion daripada RM66.99 bilion jumlah pendapatan pelaburan dijana untuk simpanan konvensional, dan RM8.02 bilion untuk simpanan syariah.

Secara keseluruhan, jumlah caruman diterima sepanjang 2023 meningkat kepada RM97.56 bilion, naik sebanyak 15 peratus daripada 2022.

Pencarum Muslim digalak beralih ke syariah

MASYARAKAT Islam di negara yang mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) digalakkan untuk beralih ke Simpanan Syariah.

Ramai yang memilih untuk mencarum dengan Simpanan Konvensional kerana mahukan pulangan dividen yang lebih besar namun dapat dilihat jurang perbezaan tersebut semakin mengecil.

Perbezaan kadar dividen Simpanan Konvensional dan Syariah pada 2023 sebanyak 0.10, 2022 (0.60), 2021 (0.45), 2020 (0.30) dan 2019 (0.45).

Jelas menunjukkan bagi tahun 2023 nilai jurang itu yang paling kecil berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abd Latiff** berkata sebagai umat Islam, simpanan seharusnya bebas riba serta bersih.

"Kalau kita lihat, KWSP sendiri sudah bagi pilihan untuk

meletakkan caruman dalam Simpanan Syariah, justeru lebih baik untuk beralih ke arah itu untuk lebih selamat," katanya.

Menurut Ahmed

Razman, wang yang akan digunakan ketika bersara kelak ada ketikanya juga akan dimanfaatkan bagi urusan ibadah haji dan sebagainya.

"Wang KWSP adalah wang kegunaan untuk persaraan atau masa tua nanti, ada juga untuk digunakan untuk tujuan ibadah.

"Adalah lebih baik jika pencarum-pencarum beragama Islam beralih ke Simpanan Syariah, supaya tiada keraguan atau was-was untuk menggunakan wang simpanan tersebut," jelasnya.

Tambah Ahmed Razman, jurang dividen antara Simpanan Konvensional dan juga Syariah juga tidak jauh perbedaannya.

"Jurang pulangan dividen pada tahun ini hanya 0.10 sahaja, mengapa memilih konvensional jika syariah juga sama banyak.

"Kalau lebih ramai pencarum

Islam beralih ke syariah, maka ia akan meningkatkan jumlah aset yang boleh dilaburkan. Lebih besar aset dilabur lebih tinggi jumlah pulangan, sekali gus membuka ruang dividen yang lebih tinggi.

"Justeru itu, adalah digalakkan untuk menggunakan Simpanan Syariah di mana kita akan lebih yakin tentang penyucian wang tersebut," katanya.

Sementara itu, Pakar kewangan Islam dan Syariah, **Dr Zaharuddin Abd Rahman** berkata, dana KWSP bagi Simpanan Konvensional dilaburkan secara bercampur.

Malah menurut Zaharuddin, sebanyak 66 peratus pendapatan membabitkan nilai berjumlah RM50.7 bilion adalah daripada pelaburan tidak patuh syariah seperti perbankan konvensional, insurans, kadar faedah dan sebagainya.

"Mandat KWSP konvensional bebas melabur di industri halal dan tidak halal asalkan boleh bawa keuntungan, mereka juga menggunakan instrumen tidak patuh syariah, ke dalam syarikat tidak patuh syariah.

"Atas sebab itu bagi mereka yang mementingkan halal dan keberkatan pada tahap maksimum,

perlulah beralih ke akaun Simpanan Syariah atau lakukan pembersihan," katanya.

Justeru itu, Zaharuddin memberitahu, adalah lebih baik untuk beralih ke Simpanan Syariah bagi memastikan kesucian wang simpanan tersebut.

"Menurut peruntukan perlembagaan dan undang-undang sedia ada, tiada pihak boleh memaksa sebarang peralihan ke akaun syariah atau pembersihan dividen, ia tertakluk kepada diri masing-masing.

"Namun sefaham saya sedang ada usaha dibuat untuk memastikan semua pendaftaran baru Muslim ke akaun syariah, kecuali mereka sendiri selepas itu memohon untuk keluar ke Simpanan Konvensional," ujarnya.

Zaharuddin turut berkongsi mengenai statistik KWSP sehingga 31 Disember tahun lalu, jumlah pencarum Muslim seramai 8,882,184 di KWSP, hanya 1,785,250 sahaja yang telah berpindah ke Simpanan Syariah, iaitu 20.1 % sahaja.



RAZMAN



ZAHARUDDIN

KADAR DIVIDEN KWSP TAHUN 2023		
KADAR DIVIDEN PADA TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA		
Tahun	Simpanan Konvensional (Tahunan)	Simpanan Syariah (Tahunan)
2023	5.50	5.40
2022	5.35	4.75
2021	6.10	5.65
2020	5.20	4.90
2019	5.45	5.00
2018	6.15	5.90
2017	6.90	6.40
2016	5.70	-
2015	6.40	-

Isu sekolah vernakular

KPM seiring Akta Pendidikan 1996

ISU sekolah vernakular menjadi antara yang diperdebatkan dalam kalangan pengguna media sosial ketika ini. Pelbagai tuduhan dilemparkan antaranya mendakwa pihak kerajaan mengutamakan kaum lain berbanding Melayu.

Ia berikutan dakwaan sekolah tersebut tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama selain kewujudannya boleh menghalang perpaduan negara dan kaum.

Seharusnya semua pihak patut tahu dan ambil tahu bahawa sekolah vernakular diiktiraf oleh Akta Pendidikan sekali gus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpegang kukuh dengan peruntukan dalam akta itu.

Ia diakui oleh menteri, Fadhlina Sidek bahawa KPM berdiri tegak bersandarkan Akta Pendidikan 1996 dan terus dengan pendirian tersebut.

Namun dalam masa yang sama akan memperkukuhkan bahasa kebangsaan di sekolah vernakular kerana ia memang merupakan antara agenda utama KPM untuk merealisasikan.

"Itu memang agenda besar kita. Saya fikir dalam kedudukan hari ini, bahasa kebangsaan masih jadi keutamaan, di samping perkukuh bahasa Inggeris," katanya kepada pemberita selepas meninjau hari pertama persekolahan sesi 2024/2025 di Sekolah Kebangsaan Saujana Putra, Jenjarom, baru-baru ini.

Terdahulu, Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong



FADHLINA ketika sesi tinjauan hari pertama persekolahan sesi 2024/2025 di Sekolah Kebangsaan Saujana Putra, Jenjarom.

berkata, sekolah vernakular boleh menghalang perpaduan negara dan perpaduan kaum dan hanya aliran sampingan di negara ini serta tidak boleh mengatasi bilangan sekolah kebangsaan.

Selain itu, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Muhammad Akmal Salleh menggesa kerajaan melakukan penilaian menyeluruh terhadap ekosistem pendidikan vernakular.

Ia merangkumi aspek keselarasan silibus, penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan penerapan nilai kenegaraan sekali gus

mencadangkan kajian menyeluruh dan peluang penambahbaikan untuk menarik penyertaan murid berbilang bangsa.

Namun kenyataan tersebut dibidas bekas Timbalan Pengerusi DAP Pulau Pinang, P Ramasamy bahawa masalah perpaduan di negara ini bukan disebabkan sekolah sebaliknya disebabkan parti politik yang memainkan agenda kaum.

Jika dilihat secara lebih mendalam dari segi positif, murid-murid di sekolah vernakular sentiasa terbuka untuk menjalinkan silaturahim di antara

bangsa lain yang ada di sekolah tersebut.

Malah, murid Cina berkawan baik dengan murid Melayu dan tiada isu menghalang perpaduan kaum dan sebagainya kerana sedari di bangku sekolah rendah lagi sifat setia kawan telah pun diterapkan dalam penyatuan antara kaum yang terdapat di sekolah berkenaan.

Selain itu, segelintir ibu bapa Melayu juga turut menjadikan sekolah vernakular sebagai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka menuntut ilmu kerana percaya dengan pendidikan yang ada di situ.

Malaysia bakal bekerjasama dengan Jerman

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim komited menjalin hubungan diplomatik bersama pemimpin luar negara dalam usaha menarik pelabur asing seterusnya membawa Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju.

Malah Malaysia optimis untuk mencapai pertumbuhan ekonomi antara empat peratus dan lima peratus pada 2024. Ia berdasarkan kerangka ekonomi MADANI yang merupakan asas kukuh yang digariskan menerusi Belanjawan 2024 Malaysia.

Namun begitu terdapat pihak yang masih tidak sedar dengan usaha yang dilakukan malah menuduh beliau sekadar menabur janji palsu dan tidak berusaha meningkatkan ekonomi negara.

Tuduhan tersebut nampaknya dilakukan untuk kepentingan diri sendiri serta tidak memahami dengan mendalam dan jelas impak positif yang akan diperolehi negara.

Sebagai contoh, usaha kerajaan menarik pelabur asing adalah pendekatan jangka panjang dan tentulah tidak dapat dilihat dalam masa terdekat. Ini kerana usaha



MALAYSIA optimis untuk mencapai pertumbuhan ekonomi antara empat hingga lima peratus pada 2024.

mahupun pelan ekonomi yang telah dirancang mempunyai tempoh matang sebelum membuahkan kejayaan.

Terbaharu dalam rangka lawatan beliau ke Jerman, Anwar mengalu-alukan lebih banyak perniagaan Jerman untuk memanfaatkan lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara sebagai destinasi pelaburan pilihan.

Terdapat banyak syarikat terkemuka lain di Jerman yang

telah memilih Malaysia sebagai hab penting, pusat kecemerlangan dan pusat latihan. Dalam masa sama, beliau turut memberi fokus terhadap latihan pelajar.

"Kami mempunyai kira-kira 1,000 pelajar di seluruh Jerman untuk menjalani latihan di syarikat Jerman sebagai pendedahan awal kepada mereka," kata beliau ketika sidang akhbar bersama rakan sejawatnya Canselor Olaf Scholz di Canselori Persekutuan, Berlin.

Anwar berkata, Putrajaya menyambut baik minat Berlin dalam industri tenaga boleh baharu (TBB) dan teknologi hijau di mana ia telah pun menjadi tumpuan Malaysia pada masa kini.

Terdahulu, lebih 700 syarikat Jerman berpangkalan di Malaysia mewujudkan sejumlah 65,000 pekerjaan.

"Kami bertuah kerana mempunyai kekuatan dalam tenaga solar, tenaga hijau dan kukuh dari segi kapasiti untuk mengeksport TBB," ujar beliau Malaysia mengeksport TBB ke Nusantara serta menerusi kabel bawah laut ke Singapura.

Sebagai rekod, Jerman merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia dalam kalangan anggota EU sejak tahun 2000 sementara Malaysia merupakan rakan perdagangan terbesar bagi Jerman dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Tahun lalu, nilai dagangan Malaysia dengan Jerman meningkat sebanyak 5.9 peratus kepada RM63.45 bilion (AS\$13.90 bilion) berbanding RM59.87 bilion (AS\$13.62 bilion) pada 2022.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

13-16/3/24: Karnival Kerjaya Wanita @ KLCC

16/3/24: Program Teh Hijau KL @ Stadium Bola Sepak KL

23-24/3/24: Iftar @ KL 2024 @ Dataran Merdeka

15 - 17/3/24: Warna-Warni Ramadan @ Pasar Seni Kuala Lumpur



PUTRAJAYA

8/3-9/4/24: Festival Ramadan Putrajaya @ Dataran Putrajaya

15/3/24: Tarawih Komuniti @ Perbadanan Putrajaya

16/3/24: Pertandingan khat @ Dewan Serbaguna Presint 9



LABUAN

23-28/4/24: Labuan International Sea Challenge @ Labuan International Sea Sport Complex

3-5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

26 - 28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Rodziah fokus bangun Ampang harmoni

Apakah antara cabaran yang dihadapi YB sepanjang menjadi Ahli Parlimen kawasan Ampang?

Menggalas satu tanggungjawab besar sememangnya bukan satu perkara yang mudah dan sudah tentu banyak cabaran yang perlu dihadapi. Pada saya, antara cabaran yang utama ialah memberi kepercayaan kepada semua pemegang taruh di kawasan Ampang agar mereka memahami apakah visi serta misi dan matlamat saya sebagai Ahli Parlimen di sini, saya juga mahukan kerjasama dan penglibatan semua pihak dalam membangunkan kawasan Ampang.

Cabaran lain sudah tentu, capaian atau *engagement* terutamanya bersama rakyat. Iyalah saya berada di kawasan orang, tidak boleh hendak main terjah sebegitu sahaja, kita juga perlu kenal penduduk, perlu fahami situasi serta masalah yang dihadapi dan pelbagai lagi. Oleh kerana itu, banyak aktiviti bersama warga Ampang telah diadakan semasa awal saya menjadi Ahli Parlimen di sini untuk bersua muka atau mengenali serta mendekatkan diri bersama mereka.

Selain itu juga, dari segi faktor keselamatan, umum sedia maklum bahawa kawasan Ampang beberapa kali terjadinya episod tanah runtuh. Justeru itu, saya perlu kembalikan rasa selamat warga Ampang dengan membawa isu cerun ini kepada pihak berwajib.

Malahan, saya turut berdepan dengan masalah rencam kehidupan warga Ampang. Kebanyakan yang tinggal di sini berbeza kelas kehidupan, budaya serta agama. Antara cabaran yang dihadapi ada yang berumahkan kaki lima, tiada makanan untuk makan, penutupan jalan dan banyak lagi.

Apakah fokus utama YB dalam menjadi Ahli Parlimen di Ampang?

Pada tahun ini, saya fokuskan dalam aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan serta keceriaan buat warga Ampang.

Bagi aspek kesihatan itu, saya mahukan kesemua warga di sini untuk melakukan pemeriksaan kesihatan setiap bulan. Saya juga mahu mereka jalani kehidupan yang sihat dengan memperbanyakkan tempat rekreasi yang boleh digunakan untuk mengeluarkan peluh. Bagi isu keselamatan, saya mahu penduduk untuk tidak lagi takut atau trauma dengan insiden tanah runtuh khususnya. Aspek kebersihan dan keceriaan pula saing berkait, contohnya, kita tidak mahu lagi bahu-bahu jalan dipenuhi sampah, cat semula bangunan-bangunan lama dan

MEMIKUL amanah atau tanggungjawab yang besar setelah diberi mandat oleh rakyat Ampang, **RODZIAH ISMAIL** dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) sedar ia bukan satu tugas yang mudah.

Namun, Ahli Parlimen Ampang ini tekad dan sentiasa bersedia menggalas tugasnya itu dengan sepenuh jiwa dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan semua pihak.

Ikuti temu bual wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** yang berpeluang mendengar segala pengalaman beliau dalam usaha memberi khidmat terbaik kepada penduduk.



dengan memperbanyakkan aktiviti berbentuk kerakyatan.

Macam tahun lepas, saya lebih fokus kepada masalah infrastruktur, kalau lihat, di Ampang, terlampau banyak pembangunan lebuh raya. Ini semua bukan sahaja menyebabkan limpahan trafik yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas malah merosakkan *skyline* Ampang itu sendiri.

Apakah yang dapat dikonklusikan terhadap infrastruktur yang menjadi fokus YB tahun lepas?

Berkenaan dengan infrastruktur ini, saya lebih fokuskan terhadap masalah cerun yang membelungi warga Ampang. Segala perancangan serta gerak kerja diatur bagi menangani masalah ini dengan bantuan daripada pakar, agensi kerajaan serta kerajaan sendiri.

Kita tidak mahu, dah runtuh baru sibuk nak cari jalan penyelesaian, adalah lebih baik kita mencegah dengan pemantauan berterusan terhadap kawasan-kawasan cerun di Ampang.

Selain itu, pembangunan seperti tempat menunggu bas, pejabat kaki serta pusat-pusat rekreasi, itu semua diambil peduli. Kita mahu warga Ampang kerap berjalan kaki, menggunakan pengangkutan awam untuk elakkan masalah trafik yang melanda ini.

Kerajaan berusaha kuat dalam menangani masalah miskin

tegar, apakah peranan YB bagi mengatasi masalah ini?

Soal miskin tegar sememangnya antara musuh utama yang saya mahu kalau tidak boleh dihapuskan sepenuhnya, saya mahu ia berkurang.

Sebenarnya, statistik di Ampang jelas menunjukkan hanya 68 orang sahaja termasuk dalam golongan miskin tegar. Walau angka dilihat kecil namun, ini tidak bermakna tiada golongan yang memerlukan. Apa yang saya bersama pasukan lakukan, kita bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan mencari golongan ini, kita cari solusi bantu mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Bukan sahaja daftar kepada skim atau beri bantuan daripada duit, kita salurkan mereka ini ke tempat yang betul supaya mereka diberi bantuan. Pusat khidmat saya juga sentiasa terbuka menerima kunjungan rakyat Ampang dan mendengar segala permasalahan serta membantu mereka.

Saya juga wujudkan tempat untuk kaunseling bagi mereka menerima nasihat dari sudut kewangan terutamanya untuk melancarkan kehidupan mereka.

Sebenarnya, saya mahu membudayakan penduduk atau masyarakat Ampang untuk mempunyai tempat bertanya dan juga mencari jalan penyelesaian bukan sahaja dari segi duit tetapi apa jua masalah yang mendatangi kerana saya mahukan semua pihak terlibat bersama membangunkan

Ampang yang harmoni.

Antara masalah utama di kawasan bandar ialah, kesesakan trafik, lambakan projek perumahan serta limpahan penjaja, bagaimana YB mencari solusi terbaik dalam membendung masalah ini buat warga Ampang?

Memang betul, di Ampang terkenal dengan masalah trafik. Apa yang saya lihat, sekarang ini, jalan yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung trafik yang ada di Ampang.

Apa yang saya laksanakan ketika ini, menaik taraf jalan seperti melebarkan jalan yang kecil serta sempit untuk memudahkan pengguna jalan raya. Bayangkan, banyak kawasan perumahan yang dibina tanpa perancangan terkawal, namun jalan tidak dibesarkan, oleh kerana itu ia tidak seimbang.

Saya dan pasukan bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan, kementerian dengan meminta untuk menaik taraf beberapa jalan utama yang sering digunakan orang ramai.

Kita juga kenal pasti beberapa jalan digunakan ditutup untuk projek-projek tertentu, jadi kita cuba usaha untuk dipercepatkan projek tersebut.

Perancangan yang tidak holistik daripada segi pembangunan projek-projek ini juga menjadi masalah kepada warga Ampang yang terpaksa menanggung beban

kesesakan trafik. Kita tidak mahu isu ini berpanjangan, kerana ia boleh menyebabkan stres kepada penduduk yang boleh membawa kepada macam-macam penyakit.

Boleh YB terangkan lagi berkenaan projek-projek yang lama untuk disiapkan?

Ada beberapa kawasan di Ampang di mana, projek-projek lebuh raya yang gagal disiapkan mengikut ketepatan masa telah menyukarkan penduduk dek kerana penutupan atau pengecilan jalan yang dibuat.

Saya sudah minta pihak berwajib untuk pantas menyiapkannya kerana ia akan memberi kesan buruk bukan sahaja buat penduduk tetapi juga keindahan Ampang itu sendiri.

Malahan penduduk juga banyak yang tiada *work-life-balance* apabila terpaksa keluar awal pagi serta balik di malam hari semata-mata mahu mengelak daripada kesesakan lalu lintas.

Inilah yang saya maksudkan, ia bukan satu perkara positif, kita mahukan kesesuaian buat warga Ampang.

Saya juga mahu memastikan projek-projek yang dilaksanakan itu dengan tahap keselamatan yang tinggi, bukan dilakukan seperti melepaskan batu di tangga dengan merisikokan pengguna sendiri.

Apakah sumbangan yang telah YB berikan buat warga penduduk Ampang?

Tahun lepas kita ada peruntukan sebanyak RM2 juta daripada kerajaan untuk dibahagi. Saya letakkan peruntukan paling banyak kepada pendidikan.

Saya mahu, sekolah-sekolah ini cukup fasiliti yang mampu beri keselesaan terutamanya kepada para pelajar dan guru. Selain itu, seperti saya katakan sebelum ini, membaiki ruang menunggu bas yang kelihatan agak daif atau rosak.

Kemudian, fokus sumbangan itu juga terhadap rumah-rumah ibadat untuk memberi keselesaan kepada semua orang.

Apakah harapan YB buat warga Ampang?

Harapan saya ialah untuk membangunkan Ampang, supaya menjadi satu bandar hebat. Justeru itu, saya mahu semua pihak untuk bersama-sama menjayakannya. Saya mahu meninggalkan legasi saya dengan menyaksikan warga Ampang menerima perkhidmatan yang terbaik daripada saya dan pasukan-pasukan lain.

Saya tidak mahu ada pihak yang ketinggalan, kita bersama memajukan Ampang, bersatu menyelesaikan segala masalah yang mendatangi. Kita akan lebih kuat jika bekerjasama dalam satu pasukan. 🇲🇾

Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan

Penerima sujud syukur terima kediaman

HAZIRAH HALIM

INISIATIF kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan seiring usaha menangani kemiskinan bandar khususnya di Kuala Lumpur.

Bagi merealisasikan hasrat penerima layak, 17 keluarga asnaf di Kuala Lumpur terdiri daripada 14 keluarga bergama Islam dan tiga keluarga bukan beragama Islam telah menerima kunci sekali gus kediaman mereka telah dibaik pulih bagi memberikan suasana yang lebih kondusif.

Salah seorang penerima yang juga merupakan ibu tunggal kepada empat orang anak, **Norazizah Hamzah**, 56, tidak menyangka

akhirnya memiliki kediaman yang telah disewanya hampir 16 tahun.

"Ini hadiah yang sangat bermakna buat saya, walaupun sedih arwah suami tidak sempat merasai rumah yang berwajah baharu ini kerana telah meninggal dunia namun saya pasti dia gembira.

"Dulu, ada beberapa bahagian di dalam rumah mengalami kerosakan antaranya tandas bocor dan pintu rosak tetapi kini ia sudah dibaiki selain dicat baharu termasuk penggantian kipas, lampu serta pendawaian elektrik," ujarnya yang menetap di PPR Kerinchi.

Tambahnya, dia sujud syukur apabila pihak DBKL memberitahu tidak perlu lagi membayar kadar sewa bulanan melainkan kos penyelenggaraan sahaja.

Menerusi program tersebut, dia turut menerima sumbangan



NORAZIZAH



ZALIHA hadir pada Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan di PPR Kerinchi.

berjumlah RM1,500 daripada JWP untuk penyediaan kelengkapan barangan elektrik rumah.

Terdahulu, Majlis Penyerahan Kunci unit rumah Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan disempurnakan oleh Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa bersama Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Bagi program kali ini, TNB memperuntukkan sebanyak RM70,000 wang zakat dan RM150,000 di bawah tanggungjawab sosial (CSR) bagi membiayai 17 unit rumah tersebut yang juga melibatkan lima parlimen iaitu Lembah Pantai, Bandar Tun Razak, Batu, Setiawangsa, Seputeh dan Wangsa Maju.

Untuk rekod, sejak tahun 2016 hingga Mac 2024, sebanyak 347 unit rumah PPR/PA telah diserahkan kepada keluarga pelbagai bangsa di bawah program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan dan Program Mesra Rakyat (PMR) melibatkan sumbangan pelbagai pihak.

Program Baiti Jannati membolehkan golongan kurang berkemampuan memiliki rumah sendiri tanpa sebarang bayaran kadar sewa bulanan selain memanfaatkan penerima terpilih dalam kalangan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL.

107 pengendali bas terima manfaat



DBKL memperuntukkan tambang sebanyak RM100 bagi setiap pelajar.

INISIATIF kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan perkhidmatan MySchoolBus@Wilayah kepada pelajar sekolah di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA), Perumahan Kos Rendah (KR) serta Perumahan Swasta Kos Rendah Terpilih (KSR) membawa banyak manfaat.

Tidak hanya tertumpu dalam membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dalam kalangan miskin tegar, program ini juga menyaksikan peningkatan ekonomi kepada seramai 107 pengendali bas sekolah yang merupakan tunjang utama kepada perkhidmatan tersebut.

Pengendali Bas Kardin Enterprise, **Kardin Baggu Khan** berkata melalui

program tersebut, dia dapat mencari dan menstabilkan semula sumber pendapatan setelah terjejas seketika susulan pandemik COVID-19 beberapa tahun lalu.

"Alhamdulillah melalui program ini dapatlah sedikit sebanyak membantu pengendali bas seperti kami mencari rezeki untuk keluarga selepas berdepan dengan situasi kos operasi penyelenggaraan yang tinggi.

"Hampir 10,000 pelajar menerima bayaran percuma disediakan DBKL sebanyak RM100 bagi setiap pelajar, jadi ia sangat menjimatkan dan membantu," katanya duit tambang

itu dibayar terus kepada pengendali bas sekolah yang dilantik.

Ditanya tentang sambutan yang diterima, Kardin berkata ia sangat menggalakkan dan berharap agar inisiatif ini terus disebar luaskan supaya lebih ramai mengetahui tentang program tersebut.

"Ada segelintirnya masih tidak tahu kewujudan inisiatif ini malah mereka juga ingat ia berbayar, sebaliknya ia adalah perkhidmatan bas percuma yang tertumpu kepada golongan kurang berkemampuan (B40) termasuklah pelajar-pelajar dari golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di sekolah-sekolah pendidikan khas seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Terdahulu, Program Myschoolbus@Wilayah ini merupakan inisiatif Pembasmian Miskin Bandar yang telah bermula sejak tahun 2017 dan telah mendapat permintaan memberangsangkan dengan peningkatan permohonan yang diterima setiap tahun.

Bagi meningkatkan lagi imej perkhidmatan bas tersebut, MySchoolBus@Wilayah tampil dengan gaya baharu dengan pelekat korporat di 221 kenderaan pelbagai jenis seperti bas besar, bas sederhana dan van.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh berkata, ia adalah antara usaha dalam mempromosikan perkhidmatan berkenaan kepada warga kota dan berharap ia dapat membantu meringankan beban golongan sasaran.



KARDIN



Teh Hijau edisi Ramadan

PROGRAM Teh Hijau Kuala Lumpur anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bakal kembali menemui warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 16 Mac (Sabtu) bertempat di Perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur.

Istimewanya edisi Mac 2024 ini, ia berlangsung pada minggu pertama Ramadan dengan bertemakan Syukuri Ramadan sekali gus menyajikan aktiviti seperti bazar percuma serta agihan bubur lambuk dan dodol pada sebelah petang.

Aktiviti sedia ada turut berjalan seperti biasa

antaranya pameran ruai perkhidmatan DBKL, pendaftaran PADU, Jualan Rahmah, Jualan Agro Madani, jualan murah Ikan, jualan amal *preloved*, aktiviti kraf tangan kanak-kanak dan Kahoot! Kuala Lumpur.

Lebih menarik, 90 cabutan bertuah merangkumi barangan keperluan asas turut menanti pengunjung yang hadir.

Justeru itu, DBKL menjemput orang ramai untuk hadir bersama-sama bagi menjayakan Program Teh Hijau Kuala Lumpur edisi Ramadan bermula pukul 9 pagi hingga 4 petang.



GAMBAR kanak-kanak Melayu dan Cina berpegangan tangan yang tular dalam media sosial baru-baru ini.

Kanak-kanak ajar orang dewasa erti kerjasama



ZULKIFLI SULONG

GAMBAR dua orang kanak-kanak perempuan, seorang Melayu dan seorang lagi Cina, berpegangan tangan masuk ke sekolah pada hari pertama persekolahan menjadi tular dalam media sosial.

Ia dilaporkan berlaku di sekolah Cina di Kajang, SJK (C) Yu Hua. Gambar kanak-kanak perempuan Melayu bertudung dengan kanak-kanak Cina memakai skirt (pinfore) ini disiarkan dalam laman Facebook sekolah berkenaan.

“Saya menyaksikan sesuatu situasi yang menyentuh hati dan membuat saya ingin merakamkannya dengan kata-kata dan gambar,” menurut hantaran dalam bahasa Mandarin itu.

Menurut hantaran itu, murid Melayu berkenaan kelihatan gementar untuk memasuki kawasan sekolah dan ibunya dilihat memberinya kata-kata semangat.

Pada masa yang sama, murid Cina itu turut kelihatan gementar juga.

Namun, kedua-duanya mendapat keberanian dalam diri masing-masing untuk menghadapi permulaan baharu dalam hidup mereka. Mereka bergandingan tangan dan berjalan bersama dalam diam menuju ke sekolah.

Bagi ahli Parlimen Bangi, Syahredzan Johan ketika mengulas hantaran itu, “Inilah kepelbagaian dan keharmonian yang kita raikan dan wajar kita pertahankan.”

Kajang adalah antara kawasan yang terletak dalam Parlimen Bangi.

Gambar ini sebenarnya memberikan pengajaran kepada orang dewasa di negara kita tentang toleransi, persahabatan

dan keperluan saling bekerjasama dalam negara kita yang bermasyarakat majmuk ini.

Ketika orang dewasa berlainan kaum dan agama bercakapan antara satu sama lain, kanak-kanak ini mengajar mereka tentang keperluan bekerjasama.

Ketika kerajaan berusaha untuk memulihkan ekonomi, ada pihak yang berusaha untuk menjatuhkan ekonomi kita dengan membuat ulasan, dakwaan dan gambaran yang bukan-bukan.

Ketika kita berusaha untuk menarik pelaburan dengan memberikan gambaran yang baik tentang negara, ada yang berusaha sebaliknya. Mereka membayangkan negara kita tidak stabil sehingga menghalang usaha pelabur untuk masuk ke negara ini padahal semua tahu pelaburan asing adalah antara kunci utama pembangunan semula ekonomi negara.

Bukan setakat memberikan gambaran, mereka berusaha untuk membuatkan negara tidak stabil semula sebagaimana penggal yang lalu yang menyaksikan negara mendapat tiga perdana menteri.

Kini usaha untuk menggoncang kerajaan dibuat tanpa henti dengan proklamasi ‘Kita sudah cukup jomlah’. Namun rakyat jelas melihat bahawa negara kita bertambah stabil dan usaha itu tidak berhasil.

Seorang TikTokers, Harun Shah membawa cerita Imam Abu Hanifah ketika mengulas gambar dua kanak-kanak berlainan bangsa ini berpegangan tangan.

Satu hari, ketika Abu

Hanifah berjalan, tiba-tiba lalu seorang kanak-kanak berlari-lari dengan terompahnya.

Lalu ditegur Abu Hanifah, “Wahai budak, hati-hati. Nanti tergelincir nanti.”

Lalu budak itu menerima nasihat Abu Hanifah dengan mengucapkan terima kasih.

Budak itu bertanya kembali, “Pakcik ini nama apa?”

Lalu Imam Abu Hanifah berkata, “Nama saya Nu'man.”

Lalu budak itu terus berkata, “Oooo inilah ulama besar yang orang selalu sebut tu.”

Lalu budak itu terus memberikan nasihat kepada Abu Hanifah, “Wahai pakcik, wahai imam. Aku pakai terompah, kalau aku tergelincir pun, aku hanya jatuh di dunia saja. Tetapi hati-hatilah dengan gelaran imam dan ulama itu sebab dengan gelaran itulah engkau boleh kekal di dalam neraka selamanya jika kesombongan dan keangkuhan itu menyertainya.”

Harun menyindir para ustaz, imam dan ulama agar mereka tidak khayal dengan gelaran mereka itu. Silap-silap mereka tergelincir sebagaimana nasihat kanak-kanak kepada ulama besar di zaman mereka, Abu Hanifah itu.

Di awal Ramadan ini, marilah kita bersama-sama untuk mengambil semangat bulan yang mulia ini untuk berfikir positif bukannya saling londeh melondeh.

PENULIS hanya sekadar memberikan pandangan.



Padah ulat parkir haram

AKIBAT menjalankan kegiatan ulat parkir haram di sekitar Kuala Lumpur, lapan individu termasuk lima warga asing, dihukum penjara serta denda oleh Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tiga orang daripada mereka adalah warga tempatan. lima warga asing terdiri daripada tiga warga India, dan masing-masing seorang rakyat Bangladesh dan Myanmar. Rakyat luar pun nampaknya mengambil peluang mudah mencari wang.

Menurut hantaran Facebook DBKL, kesemua mereka ditahan oleh Jabatan Penguatkuasaan DBKL melalui Tindakan Khas Penjaga Parkir Tanpa Kebenaran atau dikenali sebagai Ops Jaga. Seorang dipenjarakan 30 hari, empat dipenjarakan 14 hari manakala tiga yang lain didenda.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucapkan tahniah kepada DBKL yang tegas membanteras penjaga parkir haram yang kian berleluasa di ibu kota. Operasi baru-baru ini bertumpu di kawasan Jalan Tun Sambanthan, Sri Hartamas, Jalan Tingkat Tong Shin, Jalan Alor dan

Jalan Raja Alang.

Kawasan ini dikenal pasti sebagai lokasi ulat parkir menjaga dan mengutip wang parkir di kawasan awam tanpa kebenaran. Ada di antaranya bersikap agresif meminta bayaran. Jika enggan membayar risikonya kenderaan akan dirosakkan.

Oleh itu kehadiran mereka merupakan ancaman kepada orang ramai. Kerana itu memang tepat DBKL bertindak membanteras kegiatan mereka. Diharap ini akan menjadi pengajaran kepada yang lain agar tidak melakukan perbuatan sama.

Operasi DBKL ini tentu melegakan orang ramai kerana tiada lagi gangguan apabila meletak kenderaan. Tiada lagi didatangi ulat meminta wang, apatah lagi jika mereka sudah pun membayar parkir yang ditetapkan oleh DBKL.

Sangat melegakan apabila DBKL memberi jaminan akan meneruskan pemantauan dan tindakan dari semasa ke semasa, terutama di lokasi yang menjadi tempat tumpuan ramai. Biasanya di kawasan seperti inilah ulat parkir mencari mangsa.

Calar imej Putrajaya

WARGA Putrajaya khabarnya tidak senang hati dengan sikap orang ramai meletakkan kenderaan sesuka hati di tempat tidak sepatutnya sehingga mencacatkan pemandangan di pusat pentadbiran negara itu.

Mereka kesal dengan sikap pemilik kenderaan yang tidak bertanggungjawab mencemar imej Putrajaya sebagai sebuah bandar terancang kerana memparkir di tempat larangan. Antaranya kenderaan diletakkan di ruang pejalan kaki, bahu jalan atau kaki lima.

Ruang pejalan kaki di Putrajaya luas dan selesa. Semua itu untuk kemudahan warganya. Tetapi sayangnya pemilik kenderaan menjadikan kawasan luas ini tempat parkir. Tentu sahaja ini mencacatkan pemandangan.

Namun sebenarnya sukar juga dipastikan sama ada yang memparkir kenderaan sesuka hati ini warga Putrajaya atau mereka yang datang dari luar. Bagi kawan-kawan Kedai Kopi perkara ini perlu disiasat bagi mengelakkan salam faham dalam kalangan warga Putrajaya sendiri.

Dalam keadaan apa pun, tidak boleh meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan, tidak kiralah

penduduk tempatan atau orang luar. Gunakan kawasan yang telah digazet sebagai tempat parkir.

Oleh itu pihak penguatkuasa Perbadanan Putrajaya (PPJ) wajar memantau agar perkara ini dapat dielakkan. Ambil tindakan tegas terhadap yang melanggar peraturan. Imej Putrajaya sebagai pusat pentadbiran persekutuan perlu dijaga.

Orang ramai pula belajarlah berdisiplin. Jangan hanya memikirkan kepentingan sendiri apabila hendak meletak kenderaan. Jadilah individu yang patuh kepada peraturan kerana peraturan dibuat demi kebaikan semua.

Pada masa sama, kawan-kawan Kedai Kopi sarankan pihak PPJ dari masa ke semasa memantau keperluan parkir di Putrajaya. Ambil langkah perlu menambah kawasan parkir jika didapati yang ada tidak mencukupi.

Sebagai pusat pentadbiran, ramai yang datang berurusan di pejabat-pejabat kerajaan Putrajaya saban hari. Kerana itu wujud keperluan kepada lebih kawasan parkir untuk memenuhi keperluan warga Putrajaya khasnya dan dari tempat lain amnya.



Iftar@KL 2024 konsep makan bersama



KU SEMAN KU HUSSAIN

BERBUKA puasa pada bulan Ramadan sudah lama menjadi tradisi dalam masyarakat Melayu negara ini. Hingga kini masyarakat di kampung masih meneruskan tradisi daripada berbuka puasa seperti bertukar juadah selain berkumpul dan makan bersama sanak saudara.

Sementara di masjid dan surau pula sememangnya menyediakan juadah berbuka untuk orang ramai. Tradisi seperti itu sudah lama membumi dalam masyarakat dan ternyata tidak mengganggu ibadah yang diwajibkan dalam Islam. Perkara yang wajib dan tradisi bergerak selari selagi tidak bercanggah dengan tuntutan agama.

Meletakkan tradisi pada berbuka puasa sebagai makan bersama bukan sahaja tidak bercanggah, malah selari dengan Islam yang menganjurkan kepedulian sosial terhadap masyarakat. Bukan sahaja dalam kalangan Islam malah terhadap bukan Islam.

Hal itu jelas menunjukkan bahawa berbuka puasa bukan sahaja menikmati juadah selepas berpuasa pada siang. Masa yang sama diperindahkan dengan sentuhan yang tradisi. Misalnya tradisi makan bersama dan bertukar juadah kerap dilakukan pada bulan Ramadan.

Sebagai satu tradisi, juadah berbuka puasa pula kuih-muih yang sudah jarang terdapat selain bulan puasa. Juadah itu dihidupkan kembali sebagai penerus pada satu tradisi masyarakat Melayu suatu waktu dulu. Di bandar-bandar juga kuih-muih tradisi itu diangkat kembali di banyak bazar Ramadan.

Oleh itu berbuka puasa tidak sahaja menikmati makan malam seperti hari-hari lainnya, sebaliknya meneruskan tradisi - dari segi



ACARA makan bersama menghubungkan antara kaya dan miskin malah gelandangan menjamah juadah yang sama. - Gambar hiasan

juadah dan konsep makan bersama selain di masjid dan surau. Malah banyak juga diadakan acara berbuka puasa untuk orang ramai.

Setiap masyarakat Islam di dunia mempunyai tradisi berbuka puasa yang tersendiri, begitu juga ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri. Unsur tradisi tertampil dengan begitu ketara sekali. Yang menjadi suruhan agama tidak ditinggal, kemudian ditambah dengan nilai tradisi yang menjadi amalan hidup masyarakat.

Saban tahun sejak 2012, warga Kuala Lumpur dianggap bertuah kerana Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengilham dan menganjurkan acara Iftar@KL 2024. Penganjuran acara yang mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu menjadi jambatan sosial masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

Sebelum ini acara yang sama

dikenali sebagai Festival Ramadan. Bagaimanapun dijenamakan sebagai Iftar@KL sejak 2015 dan pada tahun ini Iftar@KL 2024 akan diadakan pada 23, 24, 30, 31 Mac dan 6 dan 7 April. Bermula 8 pagi hingga 11 malam.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Jalan Raja di depan Bangunan Sultan Abdul Samad menjadi lokasi tetap dan bukan sahaja berbuka puasa malah acara lain yang menjurus pembinaan rohani. Kemuncaknya adalah makan bersama dalam acara berbuka puasa.

Konsep makan bersama dalam majlis berbuka puasa itu dilakukan pada berbagai-bagai bentuk dan skala - ada yang kecil dan tidak kurang juga yang besar dan melibatkan pelbagai kaum dan agama. Iftar@KL 2024 sebuah acara makan bersama yang berskala besar itu menjurus meraihan keharmonian dan saling menghormati.

STATUS SOSIAL

MAJLIS berbuka puasa itu merentas garis yang memisahkan antara kaum, kelompok dan agama dalam kalangan masyarakat. Iftar@KL yang diadakan sebelum ini menghubungkan antara kaya dan miskin malah gelandangan menjamah juadah yang sama. Status sosial diletak di tepi ketika makan bersama secara beramai-ramai.

JKKN menjadikan Kuala Lumpur tidak ketinggalan dalam menganjurkan acara berkonsep makan bersama pada skala yang besar. Bagi negara ini acara

berbuka puasa itu mencerminkan ikatan persaudaraan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

Kalau diperhatikan secara mendalam, Iftar@KL bukan sahaja terbuka kepada orang Islam dan tempatan sahaja, malah kepada semua termasuk pelancong luar yang kebetulan berada di Kuala Lumpur ketika acara itu berlangsung. Ini bukan acara makan percuma sekalipun dihidang dengan percuma, tetapi yang ditekankan adalah makan bersama.

Acara itu juga dimasukkan dalam kalendar pelancongan untuk memberi peluang kepada pelancong asing menikmati pengalaman makan bersama sempena acara berbuka puasa. Penganjuran seperti itu memberikan gambaran yang jelas tentang kemurnian Islam sebagai agama untuk semua - kaya dan miskin, tua dan muda. Malah sentiasa menjadi jambatan yang menghubungkan antara satu dengan yang lain.

Berbuka puasa sebenarnya berpotensi dikomersialkan, kini golongan yang berkemampuan boleh menikmati hidangan istimewa di hotel ternama dengan bayaran yang juga besar.

Malah sejak beberapa tahun belakangan ini semakin banyak yang memilih untuk berbuka puasa di hotel atau restoran mewah. Berbuka puasa sudah dikomersialkan dan menjadi satu perniagaan. Bayaran untuk seorang paling rendah RM100 adalah harga sebuah gaya hidup.

Sekalipun begitu berbuka puasa, sama ada secara mewah,

sederhana atau ala kadar sahaja adalah pilihan peribadi. Tidak menjadi kesalahan asalkan tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan melupakan golongan yang tidak berkemampuan.

Ada yang mahu merasa berbuka puasa secara mewah dan tidak kurang juga orang kaya yang mahu menikmati berbuka puasa dengan golongan biasa atau yang lebih rendah.

Mereka memilih Iftar@KL dan sekali lagi berbuka puasa adalah pilihan peribadi. Maka kita semestinya meraihan golongan yang berada tetapi turut sama-sama bersila makan bersama atas Jalan Raja.

Kehidupan adalah pengalaman yang tidak boleh dijual beli. Disebabkan hal itu banyak juga dalam kalangan yang kaya tidak mahu terkurung dalam sangkar kekayaan yang memisahkan dengan golongan yang lebih rendah. Mereka itulah yang memilih Iftar@KL untuk menikmati pengalaman baharu.

Suatu yang membanggakan apabila ada penglibatan golongan berada sama ada memberikan sokongan material dan moral, malah banyak yang turut makan bersama dengan orang ramai. Mereka tentu memahami tujuan dan pengertian berbuka puasa dan di sisi lain memperlihatkan kepedulian sosial terhadap sesama manusia.

Kalau berbuka puasa sudah dikomersialkan di hotel-hotel mewah, dari sisi yang lain pula boleh dijadikan jambatan sosial melalui penganjuran Iftar@KL. Acara seperti itu adalah pendekatan terbaik untuk menjulang Islam sebagai agama yang meraihan persaudaraan. Maka, datanglah pada tarikh-tarikh yang disebutkan di atas. Semua tanpa mengira siapa dialu-alukan datang ke Iftar@KL 2024.

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

RAGAM KOTA

F#minor

YB... KAJIAN DI KALANGAN NETIZEN MENDAPATI... MASUK SAJA BULAN RAMADAN NI RAMAI WARGA YANG SUKA BENAR...

ERRR... INI KERANA 'VOKAL' YB-YB POLITIKUS SEMUA TURUT TERBELENGGU SAMA SEPerti 'SI DIA' ITU... AMAN LA SIKIT DALAM SEBULAN INI...

SAHIH TERMASUK AKU SEKALI...

F#minor



Bil 254 . 15 - 21 MAC 2024

Berjuta *insan* **kelaparan** *saat 'pesta'* **bazir makanan** ➤➤ 10-11

Sisa makanan catat peratusan tinggi

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

RAMADAN seharusnya menjadi bulan bagi umat Islam untuk mengekang hawa nafsu. Namun sejak kebelakangan ini seakan telah menjadi satu pesta pembaziran makanan ekoran daripada kegagalan menahan nafsu sehingga wujudnya sikap berlebihan-lebihan daripada biasa ketika berbelanja.

Bukan hanya pembeli bahkan penjual di bazar Ramadan juga turut menyumbang kepada situasi ini. Jika ia tidak dibendung bermula hari ini maka dibimbangi satu ketika nanti pembaziran akan menjadi budaya yang tidak asing lagi.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** menyarankan agar semua pihak termasuk pengguna dan peniaga Bazar Ramadan Putrajaya untuk lebih berhemah bagi mengurangkan pembaziran makanan.

“Sisa makanan mencatatkan jumlah paling besar dalam komposisi sisa di Malaysia iaitu sebanyak 45 peratus.

“Jumlah pembuangan sisa makanan direkodkan di dalam negara khususnya ketika bulan Ramadan menunjukkan trend pembuangan sisa makanan yang tidak habis dijual oleh peniaga bazar semakin meningkat dengan ketara sebaik sahaja aktiviti berniaga dibenarkan beroperasi semula pada tahun 2021 selepas negara dilanda wabak COVID-19.

“Justeru itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengurangkan masalah pembaziran kerana semakin banyak jumlah makanan terbuang, maka kos pengurusan juga akan meningkat,” ujar beliau.

Fadlun berkata peningkatan drastik jumlah sisa pepejal bahan makanan setiap kali Ramadan sangat membimbangkan kerana ia akan mengurangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah sekali gus menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

“Sekiranya dapat dielakkan, ia mampu menjimatkan tenaga dan sumber bagi menguruskan sisa pepejal sekali gus mengurangkan kesan karbon terhadap alam sekitar. Isu sisa makanan bukan sahaja menekan tapak pelupusan sampah tetapi turut meningkatkan ancaman kepada alam sekitar menerusi pelepasan gas metana, iaitu sejenis gas rumah hijau yang memberikan kesan lebih teruk terhadap pemanasan bumi berbanding karbon dioksida.

“Tapak pelupusan menghasilkan gas metana rumah hijau yang 21 kali lebih kuat daripada karbon dioksida dan tujuh peratus gas rumah hijau yang terhasil di seluruh dunia adalah disebabkan oleh sisa makanan.

“Situasi berkenaan bukan sahaja mengancam alam sekitar malah ia juga menyebabkan pencemaran, meningkatkan suhu dunia, mitigasi perubahan iklim dan mengganggu pola cuaca seperti hujan yang akhirnya

menyumbang kepada peningkatan bencana seperti banjir,” ujar beliau.

KEMPEN RAMADAN TANPA PEMBAZIRAN

KADAR pembaziran tinggi dan peruntukan besar untuk pengurusan sisa pepejal setiap tahun mendorong pihak PPj mengambil langkah proaktif mengadakan Kempen Ramadan Tanpa Pembaziran pada tahun ini.

“Memandangkan peningkatan peratus sisa makanan adalah ketika bulan Ramadan, kempen dan program seperti Kempen Hargai Makanan, Elak Pembaziran perlu diperhebatkan di seluruh negara.

“Usaha tersebut dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menghargai makanan dan tidak sewenangnyanya melakukan pembaziran terutama ketika di bulan puasa,” ujar beliau.

Sementara itu, Fadlun menyarankan setiap individu untuk merancang kewangan dengan berhemah bagi memastikan tidak berlakunya perbelanjaan secara berlebihan pada bulan Ramadan.

“Melihat kepada peningkatan kos sara hidup, adalah wajar bagi setiap individu menyediakan peruntukan sesuai untuk keperluan perbelanjaan sama ada membeli juadah di bazar Ramadan atau kos menyediakan juadah sendiri.

“Saya rasa sangat tidak wajar dalam keadaan kritikal ini (perbelanjaan musim persekolahan, Ramadan dan Aidilfitri) jika kita berbelanja mahal dan mewah untuk berbuka

puasa di luar. Penyediaan bajet sesuai, senarai semak dan berdisiplin ketika berbelanja dapat mengelak pengguna daripada terlebih berbelanja dan mengurangkan pembaziran. Beli mengikut keperluan sahaja,” ujarinya.

Seterusnya, Fadlun turut menyarankan masyarakat untuk menggunakan bekas makanan yang dibawa dari rumah kerana ia bukan sahaja mengurangkan penghasilan sampah terutama plastik membungkus makanan atau polistirena, bahkan dapat mengelakkan pembelian secara berlebihan.

“Pada masa sama, kami selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) dan penganjur Bazar Ramadan Putrajaya akan sentiasa mengambil langkah proaktif dengan memperkasa kempen serta program kesedaran kepada orang ramai bagi mengelakkan pembaziran makanan sepanjang Ramadan.

“Sambutlah Ramadan dalam kesederhanaan. Perancangan dan kawalan perbelanjaan perlu dijadikan norma baharu supaya sikap boros berbelanja dan pembaziran makanan dapat dielakkan.

“Usahlah membazir. Berjuta orang di Syria, Yaman, Iraq, Palestin, Myanmar, India, Ethiopia, Sudan, Pakistan dan Afghanistan sedang berhadapan dengan kebuluran dan malangnya kita membuang begitu banyak makanan pada bulan yang suci ini,” ujar beliau yang turut berharap para peniaga boleh bekerjasama dalam mencari solusi daripada perkara tersebut terus berlarutan. 



FADLUN



Jangan sampai kufur nikmat

KETIBAAN bulan Ramadan sangat dinanti-nantikan oleh umat Islam kerana kelebihan yang ada dalam bulan yang penuh kemuliaan ini. Kedatangannya juga mendidik diri kita agar sabar dan menahan nafsu.

Namun ramai yang tertewas ketika mengunjungi bazar Ramadan. Mereka tidak dapat menahan nafsu daripada membeli juadah sehinggakan bulan yang mengajak kita untuk bersederhana turut menjadi bulan paling tinggi pembaziran.

Ia seolah-olah menjadi budaya dalam masyarakat hari ini sedangkan di saat kita menjadikan bazar Ramadan sebagai pesta pembaziran, tahukah anda di luar sana berjuta-juta umat Islam yang terpaksa terus berpuasa biarpun telah tiba waktu untuk berbuka.

Menurut Ketua Unit Pengurusan Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor, **Zulkhairi Jaid**, umat Islam perlu mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

“Apabila melakukan pembaziran ia dikira sebagai kufur nikmat kerana gagal mengurus nikmat yang sepatutnya dijadikan jalan syukur tetapi kerana membazir ia menuju jalan kufur yakni keingkaran.

“Maksud pembaziran dari segi syarak ialah sesuatu yang dikeluarkan pada jalan yang bukan hak (kebenaran),” ujarinya pembaziran adalah perkara sia-sia dan perlu ditinggalkan jauh amalan tersebut.

Tambahnya Ibnu Masud menjelaskan bahawa pembaziran adalah perbuatan menafkahkan (mengeluarkan) atau menggunakan harta pada jalan maksiat, yakni tidak pada jalan yang diperintahkan oleh Allah dan tidak berlandaskan tuntutan sunah Rasulullah.

“Manakala Ibnu Kathir pula mentakrifkan pembaziran sebagai perbuatan mensia-siakan nikmat Allah kepada perkara-perkara maksiat yang melanggar perintah Allah.



01

RANCANG PEMBELIAN

- Buatlah perancangan awal mengenai barangan yang mahu dibeli terlebih dahulu.
- Senaraikan dan lihat keperluan semasa.
- Jangan beli lebih daripada apa yang dirancang.

02

KAWAL NAFSU DAN KEHENDAK

- Fikir dahulu sebelum beli, jangan terlalu mengikut perasaan.

03

HADKAN PERBELANJAAN TUNAI

- Elakkan membawa wang berlebihan semasa membeli-belah agar kita tidak belanja berlebihan secara sengaja mahupun tidak sengaja.

04

SAHUR DAN BERBUKA PUASA DI RUMAH

- Sahur dan buka puasa di rumah lebih selamat, bersih dan jimat.

05

SEDEKAH

- Amalkan amalan sedekah kepada golongan yang lebih memerlukan. Pasti hidup anda lebih tenang dan gembira.



“Jika memahami makna dan hikmah berpuasa maka ia sebenarnya pengajaran tentang kesusahan orang lain yang berhadapan dengan kesukaran hidup,” jelasnya maka jika tiada pengajaran itu masuk ke dalam sanubari apakah lagi yang diharapkan dalam memahami erti Ramadan atau erti puasa itu sendiri.

Berkongsi kesan amalan mazmumah (perbuatan tercela menurut pandangan akal) itu terhadap individu daripada konteks Islam, Zulkhairi berkata akan berlakunya ketirisan dalam perbelanjaan rumah tangga dan ia antara perbuatan yang berdosa dan perlu ditinggalkan.

“Hal ini kerana perbuatan ini jelas bercanggah dengan prinsip Islam, iaitu berlaku adil pada harta yang dimiliki dengan meletakkan ia pada tempat yang sepatutnya. Memandang jauh isu Palestin dan saudara-saudara lain yang dilanda ujian. Maka adilkah kita untuk membazir?” katanya.

Mengulas lanjut, Zulkhairi berkata selain pembaziran makanan

adakalanya umat Islam juga turut melakukan pembaziran masa.

“Ramadan adalah bulan rahmat, keampunan dan akhirnya dilepas dari azab neraka. Kelekaan dengan banyak tidur, banyak berfikir tentang persiapan raya malah tidak mengambil peluang solat Tarawih, zikir dan membaca Al-Quran serta pelbagai ibadah lain amat merugikan.

“Ini kerana segala perbuatan yang digandakan ganjarannya di bulan Ramadan adalah kecelakaan nyata kepada mereka yang cuai dalam menghidupkan Ramadan,” ujarinya itulah pembaziran yang patut dijaui.

Justeru itu, beliau menasihatkan kepada mereka yang ingin mendapatkan puasa sempurna mestilah melakukan persiapan ilmu bagi memberi kesan yang mendalam hingga ia bakal merubah manusia kepada fitrah sebenar.

“Banyakkan ibadah serta sedekah dengan memberi orang makan kerana orang banyak sedekah adalah orang yang dirindui syurga. Semoga Ramadan kali ini lebih baik dari Ramadan yang lalu.

“Carilah malam yang lebih baik dari seribu malam iaitu Malam Lailatul Qadar. Moga kita menjadi hamba yang diredai Allah,” beliau turut berpesan kepada mereka yang masih mempunyai ibu bapa untuk pulang sambil berkongsi nikmat berbuka bersama.

Kongsi rezeki bersama

ISU pembaziran makanan sering kali timbul pada bulan Ramadan kerana ramai di antara peniaga tidak arif untuk menganggarkan jualan selain bertindak menyediakan bahan jualan dua kali ganda daripada kebiasaan.

Mengakui perkara tersebut, salah seorang peniaga Bazar Ramadan Taman Sutera Kajang, **Muhammad Zakri Osman**, 39, berkata kebanyakan peniaga melihat jumlah pelanggan yang datang adalah lebih ramai berbanding berniaga di pasar malam.

“Bagi hari pertama dan kedua kita sebagai peniaga boleh tengok dahulu berapa ramai pelanggan yang memenuhi bazar. Mungkin boleh mula dengan pek sedikit dan ditambah pada hari seterusnya mengikut hasil jualan.

“Selain itu, peniaga seharusnya

mempunyai pelbagai inisiatif dalam memastikan bahan jualan yang tidak terjual dibuang begitu sahaja contohnya adakan lelongan ketika menghampiri waktu berbuka.

“Kaedah begitu membantu menghabiskan jualan harian. Sebagai contoh harga biasa adalah RM6 sebungkus tapi saya akan lelong dengan harga RM10 untuk dua bungkus,” katanya yang menjual jus mangga dan tembikai.

Selain itu, suri rumah, Tijah Ismail, 54, berkata jika gagal membuat anggaran kuantiti makanan yang dimasak mengakibatkan juadah



ZAKRI

tersebut berakhir di tong sampah.

“Kita sebagai mak, memang teruja nak sediakan juadah berbuka namun perlu merancang terlebih dahulu dari segi kuantiti dan jenis menu. Biarlah bersederhana.

“Seterusnya lebih makanan hendaklah disimpan dengan cara yang betul. Untuk lauk-pauk, perlu dimasukkan di dalam peti ais dan gunakan bekas bertutup bagi memastikan kualiti makanan terjamin,” ujarinya pengasingan makanan juga penting kerana dapat membantu mengekalkan kesegaran makanan serta mengelakkan daripada cepat basi.

Umat Islam sambut bulan penuh barakah


SHUAIB AYOB

PENENTUAN anak bulan adalah proses penting yang dilakukan para ulama dan ahli Falak dengan menggunakan pelbagai kaedah bagi proses pengamatan Hilal antaranya melalui mata kasar atau teodolite dan teleskop.

Wilayahku sempat merakam detik melihat anak bulan Ramadan pada petang 10 Mac bersamaan 29 Syaaban 1445 Hijrah di salah sebuah 29 lokasi terpilih seluruh negara iaitu Menara Kuala Lumpur.

Turut hadir, Timbalan Meteri Agama, Zulkifli Hasan; Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail dan pencetus #SubuhMacamJumaat, Alif Satar.

Terdahulu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad mengumumkan tarikh permulaan puasa bagi negeri-negeri di seluruh Malaysia ditetapkan menurut perintah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim setelah diperkenan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja pada 12 Mac (Selasa). 





Zulkifli ketika proses cerapan anak bulan di Menara Kuala Lumpur



Kurma santapan Ramadan

KURMA merupakan makanan sunnah yang memiliki pelbagai khasiat semula jadi. Malah, pada bulan Ramadan, masyarakat disaran untuk mengambil tiga biji kurma bersaiz sederhana untuk satu hidangan.

Penyelidik Pascasiswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ijazah Sarjana Pemakanan Klinikal, **Fatin Umairah Mohd Keri** berkata kurma mengandungi jumlah serat yang baik untuk sistem penghadaman.

“Ia bukan sahaja membekalkan tenaga kepada seseorang untuk satu hidangan bersamaan 80 kalori tetapi ia juga berada di bawah kategori karbohidrat bagi tenaga segera.

“Ramadan ini, berbuka puasa dahulu dengan kurma dan air atau susu sangat bagus untuk menggantikan simpanan glikogen (bentuk simpanan tenaga dalam badan),” ujarnya.

Tambahnya, saranan pengambilan kurma adalah antara tiga biji saiz kecil sederhana atau dua biji saiz jumbo.

Sementara itu, Pegawai Dietetik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), **Jazeera Julaili** berkata kurma merupakan sejenis buah yang kaya dengan potasium dan magnesium yang mengandungi vitamin B6 serta serat yang tinggi.

“Kandungan nutrisi yang ada di dalam kurma kebanyakannya datang daripada karbohidrat

atau lebih spesifik glukosa dan fruktosa di mana ia tidak akan meningkatkan berat badan malah meningkatkan kesihatan dan kecergasan seseorang.

“Pada Ramadan ini, ia lebih senang dihadap ketika waktu berbuka kerana akan membantu pengeluaran Gastrin Juice dalam usus. Tiga biji kurma mempunyai lebih kurang 30 hingga 45 gram karbohidrat dan ia juga mempunyai potassium yang tinggi maka apabila berbuka *elektroklyte* yang hilang dapat diganti semula,” katanya.

Untuk itu, jom kita kenali jenis kurma yang menjadi pilihan ramai terutamanya ketika bulan Ramadan! 

1. KURMA AJWA

KURMA Ajwa disebut sebagai kurma Nabi kerana ia dipercayai menjadi kegemaran Rasulullah SAW. Permintaan buah kurma Ajwa ini sememangnya tinggi terutama di pasaran Malaysia kerana tekstur isinya yang lebut, manis serta bersaiz kecil.



2. KURMA MEDJOL

KURMA Medjol adalah antara jenis kurma yang paling mahal kerana ia sukar ditanam, bersaiz besar dan tumbuh di iklim yang panas kering seperti Timur Tengah dan Afrika. Khasiat buah kurma ini juga tinggi di mana ia mengandungi serat dan mineral penting seperti kalium dan magnesium. Buah ini juga digelar Kurma Berlian kerana memiliki kulit berwarna coklat gelap hingga merah kecoklatan dengan tekstur yang berserabut.



3. KURMA SAFAWI

KURMA Safawi terkenal di Madinah dan Mekah. Ia dikenali daripada warnanya yang hitam mendalam, panjang serta bersaiz sederhana. Ia juga adalah sejenis kurma yang lembut dan separa kering. Ada yang mengatakan ia mempunyai rasa yang agak sama dengan kurma Ajwa namun bentuknya lebih oblong (bujur) berbanding kurma Ajwa. Kurma ini juga cukup terkenal dan mudah didapati sepanjang tahun berbanding jenis kurma lain.



4. KURMA DEGLET NOUR

KURMA Deglet Nour (kurma bertangkai) berwarna kemerahan hingga kekuningan, rasanya juga halus meski tidak semanis dan selembab kurma Medjol. Buah ini kebanyakannya ditanam di Afrika Utara dan uniknya biji dalam isi buah ini boleh dilihat saat kurma didekatkan dengan cahaya. Di Malaysia pula, kurma ini dijual dalam bentuk bertangkai dan merupakan antara jenis yang cukup terkenal di pasaran dan akan diperluaskan.



5. KURMA MABROOM

KURMA Mabroom adalah buah yang kebanyakannya ditanam di Semenanjung Barat Arab Saudi. Ia memiliki buah yang ramping, panjang dan padat serta rasanya tidak terlalu manis. Kurma ini kaya dengan serat, vitamin dan mineral.





ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



20,000 beg roti john terjual pada Ramadan

HAZIRAH HALIM

SETIAP kali tibanya bulan Ramadan, roti john merupakan antara juadah popular yang sering menjadi pilihan. Memandangkan permintaan yang tinggi, maka bulan puasa juga memberi cabaran besar buat pembekal roti tersebut.

Berkongsi pengalaman, Pengurus Iwani Frozen Food, **Mohamad Ikhsan Mohamad Fauzi**, 33, berkata dia perlu menyediakan bekalan roti john dalam kuantiti yang banyak kepada pengusaha makanan setiap kalinya tiba bulan tersebut.

"Bulan ini kami sudah menyediakan bekalan roti lebih awal sebanyak 5,000 beg. Biasanya saban tahun, kebiasaannya kita akan bekalkan sebanyak 1,000 bag sehari untuk para peniaga.

"Seorang pelanggan biasanya akan mengambil 10 pek roti john. Kalau dulu roti ini boleh didapati dalam saiz panjang dan pendek tetapi kini kita standardkan saiz tersebut dengan harga jualan RM9 hingga RM10," katanya.

Tambahnya, dia perlu membuat persediaan lebih awal memandangkan peniaga akan mengambil stok seawal tiga hingga empat hari sebelum bazar Ramadan beroperasi.

"Kebiasaannya situasi getir dalam dua minggu pertama di mana peniaga akan berpusu-pusu



IWANI Frozen Food berpengalaman membekalkan roti john hampir 30 tahun.

membeli dan mencari bekalan roti john dan minggu kedua terakhir Ramadan pula keadaan kembali normal," ujarnya.

Syarikat yang beroperasi hampir 30 tahun di Taman Permata, Kuala Lumpur ini, tidak menyangka tangan kerana menjadi pilihan warga peniaga sekitarnya sepanjang tahun.

"Permintaan yang tinggi terhadap roti tersebut

memandangkan ia menjadi pilihan utama pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Ia bukan lagi makanan bermusim sebaliknya menjadi menu harian yang boleh didapati di mana sahaja," ujarnya.

Bercerita lanjut tentang produk yang dikeluarkan syarikatnya, Mohamad Ikhsan berkata, kualiti roti yang ditawarkan tahan lama bergantung pada cara penyimpanan oleh peniaga.

"Maklum balas daripada pelanggan rata-ratanya suka dengan produk kami disebabkan kualiti. Tidak dinafikan juga, mereka perlu arif cara untuk menyimpan bagi memastikan ia tahan sehingga beberapa hari," ujarnya.

Memandang jauh ke hadapan, dia yang mewarisi perniagaan tersebut daripada bapanya mengakui berhasrat untuk

membesarkan ruang penyimpanan stok roti yang ada pada masa ini.

"Apa yang kita hadapi adalah dari segi kekangan ruang di kedai di mana kami tidak mempunyai ruang luas dan besar. Buat masa kini, kami mempunyai stor dua tingkat tetapi masih tidak cukup ruang.

"Selain itu, saya berhasrat untuk menambah cawangan di masa terdekat bagi memastikan Iwani Frozen Food terus relevan untuk bersaing dalam perniagaan ini," jelasnya.



Jual jus halia bantu tambah pendapatan

BERDEPAN ekonomi yang semakin mencabar kini, ramai yang terpaksa melakukan dua pekerjaan dalam satu masa memandangkan gaji sedia ada tidak cukup untuk menampung kehidupan seharian.

Mengakui perkara itu, Eksekutif Pemasaran Digital, **Norel Hashim**, 31, memilih untuk menjalankan perniagaan minuman kesihatan Oh Juice Jer secara dalam talian sejak tahun lalu.

Produk minuman berasaskan halia buatannya itu dihasilkan bertitik-tolak daripada masalah angin dalam badan yang sering dihadapinya sehingga menimbulkan rasa kurang selesa.

"Ramai yang mencadangkan untuk saya minum air halia dan ternyata ia berkesan. Jadi, daripada situ muncul idea untuk membantu orang lain yang berdepan masalah

serupa.

"Khasiat halia sememangnya banyak, bukan sahaja membantu mengeluarkan angin bahkan sifat anti-radangnya juga mampu mengurangkan kemerahan dan parut jerawat selain melancarkan haid dan sebagainya memandangkan ia merupakan sayuran berakar yang memiliki manfaat kesihatan dan sifat perubatan," ujarnya.

Malah dia tidak menyangka Oh Juice Jer turut dihasilkan bersama bahan-bahan lain seperti oren, lemon, kunyit hidup dan lada hitam mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Alhamdulillah, setakat ini saya mendapat banyak respon positif daripada orang ramai dan dalam tempoh sebulan sejak ia diperkenalkan pada awal Januari lalu, lebih 1,000 botol telah

berjaya terjual dan terus mendapat permintaan," katanya.

Ditanya tentang cabaran yang diterima sepanjang mengusahakan jus tersebut, Norel tidak menafikan pada permulaannya agak sukar untuk mendapatkan kepercayaan orang ramai.

"Mungkin ketika itu ia merupakan produk baharu. Cabaran utama yang saya hadapi adalah untuk memberi keyakinan kepada orang tentang khasiat air ini sebab tidak ramai yang minum air halia.

"Mereka yang pernah minum jus halia, tiada masalah tetapi bagi yang tidak biasa, mereka susah nak cuba. Jadi, apa yang saya buat, saya beri *tester* kepada kawan-kawan terdekat untuk yakinkan mereka dengan khasiat air ini," ujarnya harga sebotol Oh Juice Jer adalah RM4 (30ml).



Oh Juice Jer terjual lebih 1,000 botol ketika diperkenalkan Januari lalu.

Bagi yang ingin mendapatkan Oh Juice Jer, boleh hubungi

011-2094 0616 (Norel) atau laman Instagram @ohjuicejer.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Pembangunan kapasiti berkaitan jenayah siber, narkotik

MCMC-MPDRM jalin kerjasama strategik



AZLAN ZAMBRY

SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Maktab Polis Diraja Malaysia (MPDRM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi kerjasama strategik yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak melibatkan pembangunan kapasiti berkaitan jenayah siber dan narkotik.

Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din yang mewakili MCMC dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain mewakili PDRM menandatangani MoU disaksikan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Memetik kenyataan, Unit Korporat MCMC memaklumkan

bahawa menerusi MoU tersebut, MCMC dan MPDRM akan menjalin kerjasama tidak terhad dalam beberapa aspek antaranya adalah inisiatif pembangunan kapasiti berkaitan siasatan dan penguatkuasaan termasuklah pembangunan bersama silibus.

“Dalam masa yang sama, menyediakan kepakaran iaitu pegawai MCMC atau pegawai PDRM sebagai pensyarah atau penceramah di dalam latihan dan penyelidikan yang akan dilaksanakan berkaitan siasatan dan penguatkuasaan.

“Selain itu, penempatan silang dan rentas fungsi untuk pegawai kedua-dua agensi,” mengikut kenyataan itu baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, selain pemeteraian MoU, MCMC juga komited dalam membantu menaik

taraf capaian rangkaian di MPDRM dengan kerjasama penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

“MCMC yakin, penambahbaikan kepada liputan rangkaian dapat memberi manfaat kepada anggota-anggota polis, khususnya yang mengikuti latihan serta kursus di Maktab PDRM Kuala Lumpur,” katanya.

Fahmi berkata, kerjasama tersebut akan memperkukuh pembangunan bakat khususnya dalam industri komunikasi dan multimedia, seterusnya memacu ke arah ekonomi yang lebih mampan.

Sementara itu, dalam ucapan aluan, Razarudin berkata langkah yang diambil pihaknya merupakan antara usaha PDRM mendepani cabaran berkaitan jenayah terbabit yang disifatkan kian meruncing di negara ini berikutan kelemahan

tembok keselamatan (*firewall*) sehingga berlaku serangan siber hampir setiap hari.

“MPDRM sudah bersedia sedia untuk menjadi pusat bagi penyelidikan dan latihan dalam keselamatan siber serta pambanteras penyalahgunaan bahan terlarang. Ini akan meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam memerangi ancaman ini di peringkat serantau,” katanya.

Tegas beliau sekiranya langkah yang perlu tidak diambil mengikut perkembangan semasa, jenayah melibatkan siber dan narkotik dikhuatiri menjadi lebih serius.

Bagi membendung jenayah berkenaan, Razaruddin berkata pihaknya sedia bekerjasama dengan agensi berkaitan supaya usaha yang diambil dapat membuahkan hasil

sekali gus mengurangkan jenayah berkaitan siber dan narkotik.

Dalam kenyataan berasingan, MCMC berkata MoU antara PDRM dan UKM membolehkan lebih ramai siswazah dalam kalangan anggota polis yang berfikiran kritis dan berkemampuan dilahirkan dengan mengaplikasikan penggunaan sains kepolis dalam pekerjaan mereka.

“Selain pemetraian MoU ini, MCMC juga komited dalam membantu menaik taraf capaian rangkaian di MPDRM dengan kerjasama penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

“MCMC yakin penambahbaikan kepada liputan rangkaian dapat memberi manfaat kepada anggota-anggota polis khususnya yang mengikuti latihan serta kursus di maktab berkenaan,” menurut kenyataan itu. 



Perlawanan persahabatan YWP, YS Langkah terbaik jalin kerjasama

HAZIRAH HALIM

PENUBUHAN yayasan setiap negeri dilihat bukan sekadar untuk merealisasikan matlamat dalam membantu dan memenuhi keperluan masyarakat malah mampu mengeratkan hubungan kerjasama baik antara satu sama lain.

Menerusi inisiatif yang digerakkan di bawah misi dan visi yang sama, hubungan baik yang dijalin

juga mampu merintis pelbagai peluang terbaik tidak kira aspek perniagaan, pasaran, kebajikan mahupun aktiviti kesukanan.

Ia dibuktikan melalui langkah yang digerakkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) melalui Kelab Sukan dan Kebajikan (KSKYWP) dengan melaksanakan perlawanan persahabatan bersama Yayasan Selangor (YS) di Kompleks Arena



ZAINI SULAIMAN

Sukan Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YS, **Zaini Sulaiman** berpandangan inisiatif YWP menganjurkan acara itu

merupakan langkah terbaik untuk kedua-dua pihak saling mengenali sekali gus menjalinkan hubungan baik sesama kakitangan dan pihak atasan.

“Perlawanan persahabatan di antara YS dan YWP ini adalah yang pertama kalinya

diadakan pastinya ada di antara mereka yang mungkin hanya berhubung dalam urusan kerja sahaja tapi dengan adanya aktiviti seperti ini ia dapat mengeratkan lagi hubungan.

“Di samping bersukan, ada kalanya kita perlu adakan satu perbincangan atau pertemuan bersama untuk menerokai lebih banyak peluang dari



BARISAN kakitangan YWP dan YS ketika acara perlawanan persahabatan sukan di Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur.

segi pengalaman, pengurusan perniagaan dan sebagainya.

“Setiap dua tahun juga, yayasan negeri di Malaysia akan bersatu dan dikumpulkan dalam acara sukan terbesar iaitu Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA), jadi program-program seperti ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah,” katanya berharap dapat menjalinkan kerjasama dengan YWP dalam sektor pendidikan.

Berkongsi lanjut mengenai

acara yang diadakan, Pengerusi Jawatankuasa KSKYWP, Muhammad Izzat Amir Mohd Rahimi berkata perlawanan persahabatan di antara YWP dan YS ini adalah pertama kali diadakan dan akan diteruskan pada masa akan datang dengan melibatkan yayasan lain di setiap negeri.

“Tercetusnya idea untuk melaksanakan acara ini selepas pihak YWP memuat naik gambar aktiviti Karnival Sukan di antara

kakitangan YWP. Saya terima komen daripada salah seorang kakitangan YS yang mencadangkan untuk menganjurkan perlawanan persahabatan dengan mereka.

“Disebabkan itulah acara tersebut berlangsung di mana lima acara sukan dipertandingkan antaranya futsal, bola jaring, karom, dart dan badminton,” katanya pada perlawanan persahabatan itu, YWP memenangi pertandingan badminton dan dart. 

PjH penuhi impian miliki rumah idaman

SABRINA SABRE

PEMAJU induk Putrajaya, Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PjH) mengumumkan kempen pemilikan rumah Tawaran Hartanah Putrajaya yang menawarkan peluang hebat untuk mendapatkan rumah idaman dengan insentif dan tawaran menarik kepada pembeli rumah.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PjH, **Datuk Ts Izwan Hasli Mohd Ibrahim**, pelancaran kempen yang telah dilancarkan pada 2 dan 3 Mac lalu itu menampilkan tawaran menarik yang direka untuk memenuhi keperluan berbeza keluarga dan individu yang berpotensi menjadi pemilik rumah.

“Menariknya, Tawaran Hartanah Putrajaya menawarkan diskaun dan rebat sehingga 45 peratus untuk hartanah terpilih tertakluk kepada terma dan syarat.

“Pelanggan juga mempunyai beberapa pilihan untuk dipilih seperti rebat tunai, pengurangan

jumlah pinjaman, tempoh pembayaran balik bank bulanan sehingga empat tahun disubsidi oleh pemaJU atau pakej reka bentuk dalaman oleh perunding dalaman tempatan,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Izwan berkata tawaran tersebut turut

menawarkan koleksi kediaman indah dan luas di tepi Tasik Putrajaya yang juga dikelilingi oleh kemudahan hijau dan moden.

“Untuk makluman, Pangsapuri Residensi Sakura dan Kondominium Flora Rosa siri ke-2 yang

terletak di Presint 11 merupakan pilihan pelaburan sangat baik serta rumah permulaan ideal untuk keluarga muda yang moden dan aktif.

“Seterusnya, vila berkembar Astana Residence @ Presint 8 pula menawarkan rumah berkembar dan ruang tamu hebat manakala Thymes8 di Presint 11 mempersembahkan koleksi kediaman halus dengan susun atur yang luas serta reka bentuknya sesuai untuk keluarga besar,” ujarnya.



IZWAN



KEMPEN pemilikan rumah Tawaran Hartanah Putrajaya tawar peluang hebat.

Dalam pada itu, beliau turut mengalu-alukan pemilik perniagaan dan usahawan untuk menubuhkan perniagaan mereka di kawasan berprestij Putrajaya.

“Bandar ini mempunyai penduduk sedia ada yang berkembang maju dengan lebih 100,000 orang penduduk dan 70,000 pekerja.

“Pihak PjH juga telah mengadakan tawaran menarik iaitu Ochre Business Suites yang terletak bertentangan dengan Kompleks Beli-Belah Alamanda dan Pejabat Kedai Nadi (3-4

tingkat) yang terletak di Enklaf Diplomatik di Presint 15,” ujarnya Wilayah Persekutuan itu juga menyediakan gaya hidup selesa dan berkualiti kepada penduduknya dengan taman subur, tasik yang tenang, kemudahan sukan dan rekreasi serta pelbagai kemudahan lain.

Selain itu, Izwan berkata Putrajaya turut menawarkan gaya hidup bandar yang lengkap dengan 25 sekolah pintar, dua sekolah antarabangsa, universiti antarabangsa dan penjagaan kesihatan terkemuka yang mana

semuanya berada di dalam bandar.

“Untuk keselamatan dan keselesaan warga sekitar, pusat pentadbiran kerajaan itu mempunyai 462 kamera litar tertutup (CCTV) dan 89 butang panik yang dipantau oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj).

“Bukan itu sahaja, Putrajaya juga dihubungkan dengan akses lancar melalui lebuh raya utama dan sistem pengangkutan awam bersepadu termasuk laluan Express Rail Link (ERL) dan Mass Rapid Transit (MRT) di Putrajaya Sentral, Presint 7.

“Putrajaya merupakan bandar bertaraf dunia dan tempat menarik untuk melakukan aktiviti riadah, bekerja dan lokasi yang bagus untuk didiami. Oleh itu, ini adalah masa terbaik dan peluang keemasan yang tidak boleh dilepaskan untuk semua rakyat Malaysia merebut tawaran memiliki hartanah dan membuka perniagaan di sini,” ujarnya yang komited untuk terus bekerjasama dengan PPj pada masa akan datang bagi memastikan kesejahteraan penduduk di Wilayah Persekutuan itu terjamin. 



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra dan berbuka puasa bersama rakyat Malaysia di Jerman pada 12 Mac lepas.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menyempurnakan Peluncuran Sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2024, bertemakan "Wakaf Membangun Malaysia MADANI".



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa merasmikan program Tadarus Perdana 50 Tahun Wilayah Persekutuan anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur pada 10 Mac lalu.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mengadakan lawatan kerja ke fasiliti kesihatan di daerah Kuala Terengganu pada 10 Mac lalu.



MENTERI Pendidikan, Fadhina Sidek menyempurnakan Majlis Pelancaran Ihya' Ramadan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 12 Mac lepas.



MENTERI Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook hadir pada Majlis Anugerah Perkhidmatan (APC) Cemerlang Tahun 2023 dan Jasamu Dikenang Tahun 2024 Kementerian Pengangkutan (MOT) bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC) pada 7 Mac lalu.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil berkesempatan bertemu pemuzik legenda dari Britain, Yusuf Islam (dahulunya dikenali sebagai Cat Stevens) di Parlimen pada 6 Mac lalu.

Peniaga Pasar Sentral berisiko gulung tikar

KHAIRUL IDIN

MAJORITI peniaga aras dua di Pasar Sentral Labuan (UTC) kini berdepan dengan dilema operasi perniagaan yang semakin merudum susulan kekurangan pengunjung ke pusat itu yang mula beroperasi pada 2016 sehingga kini.

Hasil tinjauan *WilayahKu* mendapati keadaan pasar itu agak lengang dan suram pada hari waktu bekerja dan ia hanya dikunjungi penduduk tempatan pada hujung minggu bagi mendapatkan barangan keperluan harian.

Menurut Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga UTC Pasar Sentral, **Asmadi Ahmad** masalah itu berlaku susulan kekurangan promosi dan kemudahan di pusat itu yang agak kurang baik menyebabkan pengunjung tidak berminat untuk mengunjungi aras dua.

Katanya, berdasarkan rekod dari tahun 2023 sehingga kini, lebih 30 peratus daripada jumlah 163 peniaga termasuk bahagian barangan basah dan kering telah gulung tikar kerana tidak mampu menanggung kos operasi perniagaan mereka.

Menurutnya, isu tersebut berpunca daripada kurang usaha mempromosikan tempat itu sekali

gus menyebabkan kesukaran kepada peniaga khususnya di aras dua.

“Pihak persatuan telah mengadakan perjumpaan bersama beberapa agensi berkaitan termasuklah pihak Perbadanan Labuan (PL) untuk mempromosikan produk-produk perniagaan dipaparkan di papan iklan besar di Dataran Labuan sebagai usaha mengetengahkan produk peniaga di Pasar Sentral UTC.

“Kita sudah berjumpa dan membuat perbincangan bersama mengenai usaha ini, namun sehingga sekarang kami belum menerima apa-apa arahan atau tindakan susulan,” katanya.

Jelas Asmadi, usaha untuk mempromosikan

produk jualan peniaga di pusat ini khususnya kraf tangan dan cenderahati perlu dilakukan berikutan faktor lokasi yang agak tersorok dan memerlukan pengunjung untuk ke aras dua.

“Saya percaya kekurangan pengunjung ke pusat ini disebabkan orang ramai khususnya pelancong luar tidak mengetahui lokasi premis ini dan orang tempatan pula tidak akan naik untuk membeli produk kraf tangan.

“Selain itu, isu kekurangan tempat letak kereta di pusat ini juga menjadi salah satu faktor menyebabkan orang ramai kurang berkunjung ke sini untuk



KEADAAN pasar yang lengang menyebabkan peniaga tidak memperoleh pendapatan sekali gus berisiko untuk gulung tikar.

berbelanja dan lebih memilih ke pasar raya yang lain,” katanya.

Asmadi, berkata pihaknya serta peniaga terlibat pernah menyuarakan isu tersebut kerana ia menyukarkan peniaga untuk bergerak atau melakukan kerja-kerja pemunggahan barang jualan mereka.

“Kami telah menyuarakan isu ini kepada PL dan berharap mereka dapat mencari inisiatif bagi mengatasi masalah ini dengan segera.

“Saya percaya dan yakin pihak PL mampu mengatasi isu ini demi kesejahteraan penduduk di sini sekali gus membantu peniaga kecil di pusat ini,” katanya.

Asmadi turut mencadangkan kepada jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta untuk melaksanakan program tertentu di Pasar Sentral supaya secara tidak langsung ia dapat mempromosikan pusat ini.

“Kami berharap agensi kerajaan

di Labuan dapat memberikan kerjasama bagi menjadikan pusat ini sebagai tempat penganjuran pelbagai program kerajaan dan sebagainya agar dapat menaikkan semula pusat ini agar ia sentiasa dikunjungi oleh orang ramai.

“Selain itu, ini adalah usaha kami untuk membantu para peniaga agar mereka mampu bangkit semula dalam perniagaan mereka dan pada masa sama dapat mengelakkan perniagaan daripada gulung tikar,” katanya. 

“Nak dapat RM1 dalam satu hari pun susah”- Peniaga

“**HENDAK** dapatkan RM1 sehari pun susah,” itulah antara keluhan hampir semua peniaga di aras dua Pasar Sentral Labuan di sini.

Ada diantara mereka yang sudah berniaga lebih daripada 40 tahun dan menganggap situasi tersebut antara terburuk sejak terpaksa berpindah dari bangunan pasar lama ke kompleks pasar tersebut pada tahun 2016 yang lalu.

Peniaga cenderamata, **Raja Mohd Ali Mustapha** berkata, isu kekurangan pelanggan itu adalah isu yang sering menghantui semua peniaga di Pasar Sentral UTC itu sejak mula beroperasi kerana bahan jualan tidak terjual dan bakal berdepan kerugian berganda.

“Perkara ini telah lama kami bangkitkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi isu ini sejak ia mula dibuka dan tiada sebarang perubahan.

“Sebagai peniaga di sini, pastinya amat terkesan kerana kawasan aras dua ini adalah tidak strategik bagi premis pakaian dan cenderahati kerana kurang dikunjungi orang ramai yang datang ke Pasar Sentral UTC ini,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menjelang lanjut, Raja Mohd Ali berkata masalah yang dihadapi beliau dan rakan-rakan peniaga lain disebabkan lif rosak sekali gus menyukarkan pengunjung untuk membeli barangan yang dijual.

“Jika saya berada pada situasi pengunjung, saya juga akan rasa tidak mahu untuk naik kerana keadaan lif yang sentiasa rosak dan terpaksa menaiki tangga.

Raja Mohd Ali berkata berikutan masalah tersebut ia telah menyebabkan sumber pendapatannya merosot dan terpaksa mengharap hasil jualan secara dalam talian sahaja.

“Kalau hanya mengharapkan daripada kedatangan pengunjung ke kedai, nak dapat RM1 dalam satu hari pun susah dan kadang kalanya tiada hasil jualan.

“Saya bersama peniaga yang lain amat mengharapkan tindakan dan jalan penyelesaian masalah ini yang telah menghantui kami sejak mula beroperasi di sini,” katanya.

Rakannya yang mahu dikenali sebagai **Choong** berkata dia ketika ini hanya mengharapkan hasil jualan daripada daripada pelancong luar yang mengunjungi kedainya.

“Kedai di aras dua ini sangat sunyi berbanding di aras bawah dan bagi saya kawasan ini tidak sesuai kepada kami sebagai peniaga cenderamata kerana setelah bertahun-tahun berniaga, kami masih menerima nasib yang sama.

Choong yang telah menjalankan perniagaan tersebut sejak 45 tahun lalu berkata lokasi perniagaannya sudah beberapa kali ditukarkan dan pernah menjana pendapatan lumayan satu ketika dahulu.



PRODUK kraf tangan tidak dapat dijual kerana ketiadaan pengunjung.

“Apabila sudah berpindah ke pusat ini sejak tahun 2016, perniagaan saya terus merosot dan jika perkara ini berterusan, saya terpaksa mengambil tindakan terakhir dengan menutup perniagaan,” katanya.

Dalam pada itu, peniaga yang sama turut menyuarakan permohonan kepada Perbadanan Labuan (PL) agar dapat memberikan inisiatif pemberian diskaun 50 peratus kadar sewaan premis bagi membantu mengurangkan bebanan yang ditanggung berikutan kemerosotan

perniagaan. Sebelum ini, inisiatif pemberian diskaun 50 peratus kadar sewaan premis amat membantu para peniaga khususnya peniaga di aras dua yang berdepan dengan dilema kekurangan pengunjung.

Pada 14 Julai tahun lalu, mesyuarat PL yang dipengerusikan oleh Tan Sri Anifah Aman telah meluluskan pemberian diskaun 50 peratus kadar sewa premis niaga di kawasan itu khususnya di aras satu dan dua serta di Pasar Sentral Labuan, Pasar Khinzir, Stesen Bas dan Stesen Teksi. 



ANEKA juadah berbuka puasa ditawarkan kepada pengunjung di FRP2024.



Festival Ramadan Putrajaya 2024

Lebih 1,000 menu menanti pengunjung

SETIAP kali tibanya Ramadan, kemeriahannya lebih terasa dengan adanya penganjuran bazar bagi memudahkan orang ramai mendapatkan juadah berbuka puasa.

Menyediakan 700 lot niaga, Bazar Ramadan Putrajaya terus menjadi tumpuan bagi warga kota mencari pelbagai juadah enak untuk berbuka puasa seperti nasi Arab, makanan laut bakar, yong tau foo, nasi ambeng, martabak, aneka kuih-muih, roti john serta bermacam pilihan air buat para pengunjung.

Kembali dengan skala yang lebih besar melibatkan lima lokasi bazar Ramadan dan satu lokasi bazar Aidilfitri bermula 8 Mac, penganjuran Festival Ramadan Putrajaya 2024 (FRP2024) kali ke-12 dijangka menarik kehadiran 800,000 pengunjung dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai FRP2024, ikuti sesi wawancara eksklusif wartawan **Wilayahku**, **SABRINA SABRE** bersama Pengarah Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), **JEFFRI MUSTAPA**.

Ramadan iaitu bermula 8 Mac hingga 9 April ini.

Dalam masa sama, pelbagai pengisian aktiviti kerohanian seperti ceramah agama, tazkirah, nasyid dan lain-lain di Pentas Utama Festival turut disediakan pada setiap hari di bulan Ramadan.

Selain jualan juadah berbuka puasa dan barangan keperluan hari raya, apakah tarikan lain

yang bakal menarik minat pengunjung?

Kami turut melakukan edaran lebih 5,000 pek bubur lambuk pada setiap hari Jumaat selain menyediakan lokasi berbuka puasa secara piknik yang boleh memuatkan sehingga 1,000 orang dalam satu masa.

Seterusnya, pengunjung juga dapat menunaikan solat Tarawih di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang akan diimamkan oleh imam jemputan dari luar negara serta penganjuran kempen-kempen kesedaran kepada orang ramai seperti Kempen Jom Bawa Beg Dari Rumah, Kempen Kebersihan, Kempen Jualan Minyak Terpakai, Kempen Jom Balik Kampung dan banyak lagi.

Pengunjung yang hadir ke FRP2024 juga berpeluang mengikuti pelbagai program dan aktiviti mingguan dengan tema yang berlainan iaitu kesenian, kecantikan, sukan dan Islamik.

Kesemua program akan turut disertai dan dimeriahkan dengan kehadiran ramai tetamu jemputan seperti artis dan selebriti popular tempatan, penceramah serta banyak lagi.

Sasaran pengunjung yang dijangka hadir ke FRP2024?

Dengan jualan lebih daripada 700 orang peniaga, FRP kali ini menyasarkan lebih 800,000 orang pengunjung dan pelancong ke Putrajaya seterusnya dapat

merancakkan lagi sektor ekonomi menerusi pelancongan acara.

Bagi pengunjung yang hadir, kita akan menyediakan kemudahan asas dan infra seperti tempat solat yang luas dan selesa, tandas, kerusi meja berkonsepkan *outdoor cafe*, pusat informasi, bank dan paling penting tempat letak kereta yang luas dan banyak.

Penganjuran FRP 2024 dilaksanakan oleh PPj sahaja atau ada kerjasama dengan mana-mana rakan strategik?

Tahun 2024 merupakan tahun kedua FRP dianjurkan dengan kerjasama Ingenious Creative Lab (M) Sdn Bhd.

Tahun ini kami menyuntik kelainan pada FRP yang mana kita menengahkan elemen Timur Tengah bagi memberikan suasana menarik buat pengunjung.

Konsep ini akan membawa pengunjung menikmati suasana yang memikat dari budaya Timur Tengah yang kaya dengan sejarah, seni dan tradisi. Elemen dan konsep ini juga diyakini dapat menambah kemeriahan dalam menyambut Ramadan dan lebaran di FRP2024.

Harapan bagi FRP2024 pada tahun ini?

Kami selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) di Putrajaya berharap FRP2024 dapat menarik kehadiran orang ramai ke Wilayah Persekutuan ini sama ada dari Lembah Klang atau luar termasuklah pelancong luar negara untuk bersama-sama memeriahkan suasana Ramadan tahun ini.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput dan mengalu-alukan kehadiran semua untuk datang ke Festival Ramadan Putrajaya tahun ini supaya orang ramai dapat merasai sendiri suasana meriah, santai dan unik yang mungkin tidak ada di tempat lain. 

Apakah matlamat FRP2024 pada kali ini?

Objektif utama FRP dilaksanakan bertujuan untuk menjadikan Putrajaya sebagai pusat sehati menjual juadah berbuka puasa dan barangan keperluan hari raya selain dilihat dapat mengeratkan hubungan sesama keluarga dan masyarakat.

Di samping itu, penganjuran festival ini juga diharap berupaya menyokong perkembangan serta pemulihan ekonomi Putrajaya dan negara selain memberi peluang perniagaan kepada penaja juga peniaga kecil untuk menambah pendapatan mereka.

Apakah tarikan utama penganjuran pada tahun ini?

Penganjuran FRP2024 yang bertemakan Seindah Ramadan, Harmoni Lebaran ini melibatkan lima komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk, Laman Iftar serta Food Truck dengan lokasi terlibat di Dataran Putrajaya Presint 3, Kompleks PPj dan lima lokasi bazar Ramadan iaitu di Presint 3, Presint 9, Presint 11, Presint 14

dan Presint 16.

Untuk FRP kali ini, Bazar Ramadan Putrajaya menyediakan lebih 1,000 menu pilihan juadah berbuka puasa untuk dibawa pulang atau pengunjung boleh menikmatinya di kawasan yang telah disediakan pihak PPj.

Selain itu, kami turut menyediakan Jualan Bazar Aidilfitri dengan lebih 250 peniaga selama 30 hari Ramadan dan empat hari jualan sebelum



Korban sambutan Ramadan, Aidilfitri

Nur Shazrin sedia ke Olimpik Paris 2024

SABRINA SABRE

ATLET pelayaran negara, **Nur Shazrin Mohamad Latif** bersedia untuk mengorbankan sambutan Ramadan dan Aidilfitri di tanah air dalam misi memburu kedudukan terbaik di Sukan Olimpik Paris 2024 bermula 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

Atlet berusia 26 tahun yang layak ke Paris setelah memenangi pingat emas acara ILCA 6 wanita Sukan Asia Hangzhou tahun lalu itu akan mula berkampung di Eropah pada bulan depan untuk menyertai dua kejohanan utama dan kem latihan intensif bagi menghadapi cabaran di temasya terbesar dunia tersebut.

Selepas menduduki tempat ke-33 pada penampilan sulungnya ketika Olimpik Rio 2016 dan tempat ke-26 di Tokyo 2020, dia bertekad untuk pulang dengan keputusan lebih baik pada kali ini.

“Antara cabaran yang saya perlu lalui adalah berpuasa ketika mengharungi latihan sukar di lautan bergelora selain menyambut hari raya jauh daripada orang tersayang.

“Ketika berpuasa agak susah kerana kita berlatih di laut. Kalau matahari lambat (waktu siang



AKSI Nur Shazrin ketika Sukan Asia Hangzhou 2022 di China.

panjang) dekat sana perit juga tetapi kalau hari-hari jalani latihan akan jadi biasa nanti,” ujarnya.

Nur Shazrin yang baru pulang dari Kejohanan Senior Eropah ILCA 2024 dan Piala Eropah Terbuka di Athens, Greece akan meneruskan latihan selama tiga

minggu di tanah air sebelum bertolak ke Palma, Mallorca di Sepanyol untuk latihan.

“Selepas itu saya akan ke Last Chance Regatta di Hyeres, Perancis dari 18 hingga 27 April ini dan terus berpangkalan di Eropah hingga Olimpik.

“Di Last Chance Regatta mempunyai dua pertandingan iaitu untuk mereka yang dah layak dan belum layak. Ia akan memberi peluang untuk menguji tahap saya serta menilai pencabar yang lain, jadi boleh mengenal pasti apa yang perlu diperbaiki menjelang

Pencapaian Nur Shazrin

2023 - Sukan Asia Hangzhou
- Emas

2020 - Sukan Olimpik Tokyo
- Tempat ke-26

2018 - Sukan Jakarta-Palembang - Tempat ketiga

Olimpik,” ujarnya.

Selain itu, Nur Shazrin yang sedar bahawa belum berada dalam tahap terbaik untuk disenaraikan dalam Program Road to Gold (RTG) berharap disediakan ahli fisioterapi untuk membantunya meneruskan rehabilitasi ketika menyertai kejohanan dan latihan di luar negara selepas mengalami kecederaan saraf ulnar di tangan kanan pada awal tahun lepas.

Pelayar yang berasal dari Pahang itu berkata keadaan berkenaan memerlukan dirinya meneruskan fisioterapi sepanjang masa bagi mengurangkan kesakitan yang berisiko membuat dia tidak boleh menggerakkan tangannya. **W**

WiPers sasar lima terbaik

KONTINJEN Wilayah Persekutuan (WiPers) menyasarkan kedudukan lima teratas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 yang akan berlangsung di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos depan.

Pengaruh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh** berkata beliau mahu kontinjen Wilayah Persekutuan memperbaiki pencapaian pada 2022 ketika menjadi tuan rumah.

“WiPers akan menghantar atlet yang benar-benar mampu menyumbang pingat dan tidak akan menghantar kontinjen dalam jumlah yang besar.

“Saya mahukan semua badan sukan untuk mempersiapkan atlet masing-masing supaya berada di prestasi terbaik kerana hanya yang terbaik dan berpotensi untuk menghasilkan pingat sahaja akan dipilih ke SUKMA di Sarawak nanti.

“Biarpun cabaran membabitkan isu logistik dan peruntukan kewangan agak terhad, saya memohon komitmen dan kerjasama semua untuk memastikan setiap atlet kita ke SUKMA nanti melakukan yang terbaik demi Wilayah Persekutuan,” katanya selepas Majlis Penyerahan Watikah Pengurus SUKMA dan Bantuan

MADANI kepada badan sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya pada Selasa.

Menurut Nik Ahmad Zahiruddin, kontinjen Wilayah Persekutuan akan mengambil bahagian lebih daripada 30 sukan yang dipertandingkan.

“Alhamdulillah, sekarang atlet kita sedang giat membuat persiapan di mana persatuan sukan bakal menyenaraikan senarai akhir atlet pada bulan ini. Kita cuba untuk kekal berada di kelompok lima terbaik namun jumlah sasaran sebenar masih awal untuk diputuskan.

“Sasaran ini adalah berdasarkan pengiraan prestasi semasa atlet-atlet WiPers pada ketika ini. Justeru, saya menuntut komitmen dan usaha bersungguh-sungguh daripada setiap atlet untuk memastikan sasaran ini tercapai bagi membolehkan kontinjen muncul dalam top 5,” ujarnya yang bakal menghantar lebih kurang 500 orang atlet WiPers ke Sarawak.

Terdahulu, Jabatan Wilayah Persekutuan menerusi MSWP menyampaikan Bantuan MADANI bagi tahun 2024 berjumlah RM282,000 kepada 86 badan sukan merangkumi 48 badan sukan di Kuala Lumpur dan 38 badan sukan di Putrajaya. **W**



NIK AHMAD (kiri) ketika Majlis Penyerahan Bantuan MADANI.



SEMUA atlet perlu berada dalam keadaan bersedia. - Gambar hiasan

Prapemilihan atlet silat

PERTANDINGAN prapemilihan Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sikamat, Negeri Sembilan yang dibatalkan baru-baru ini susulan kematian seorang pesilat Terengganu dijadual diadakan semula di Perlis bulan depan.

Menurut Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), **Bibi Aishah Golbal Shah**, pihaknya perlu memilih 30 atlet dari setiap negeri pada kejohanan tersebut sebelum tarikh pendaftaran ke SUKMA 2024 di Sarawak ditutup Mei ini.

“Segala keputusan di Sikamat dibatalkan dan insya-Allah pertandingan prapemilihan SUKMA 2024 akan dilakukan sebelum Mei ini.

“Kami akan mencari 30 atlet dari setiap negeri bagi menyertai 26

acara dipertandingkan merangkumi lapan silat seni dan 18 silat olahraga pada SUKMA 2024 di Sarawak yang dijadual berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos depan,” ujar beliau.

Dalam kejadian pada kira-kira 5 petang Sabtu, pesilat Terengganu, Wan Muhammad Haikal Wan Hussin jatuh di atas gelanggang ketika pertandingan berlangsung di Dewan Komuniti Taman Coral Heights, Sikamat.

Atlet berusia 20 tahun itu kemudian dikejarkan ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban untuk rawatan lanjut sebelum disahkan meninggal dunia pada pukul 1.20 pagi Ahad (3 Mac) dan jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Alor Selising, Jerli, Terengganu kira-kira 10 malam pada hari sama. **W**



Bukan mudah istiqamah

DEEL ANJER

PELAKON Sherry Ibrahim mengaku dirinya masih dalam proses untuk istiqamah dalam menunaikan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah.

Menurut Sherry atau nama sebenarnya Syarizad Ibrahim, 41, banyak perkara yang dipelajarinya selepas mengerjakan umrah pada penghujung tahun lalu.

"Nak kekal istiqamah ini bukan mudah. Jujurnya sejak balik dari umrah, dua bulan saya rehat. Tidak buat apa-apa job. Ini kerana saya jadi keliru. Iyalah kali pertama pergi umrah. Jadi pengalaman di Makkah dan Madinah itu sangat istimewa.

"Saya berehat dua bulan itu adalah tempoh untuk saya seimbangkan diri saya dengan bidang hiburan. Terutamanya bila sampai waktu solat, saya nak kena solat. Tiada alasan untuk tidak melakukannya.

"Alhamdulillah ketika tunaikan solat di surau, saya ada bertemu beberapa artis. Saya ada bertanya kepada mereka macam mana nak berhadapan situasi sebegini.

"Saya tak boleh dengar muzik. Kalau orang minta saya buat sesuatu yang biasa saya buat, saya jadi malu. Alhamdulillah, sekarang dah okay," kongsinya.

Sherry juga berharap masyarakat di luar sana tidak mudah menghukum para selebriti yang sedang berusaha istiqamah untuk menjadi lebih baik. Ini termasuklah isu artis wanita buka tudung kerana mendakwa tiada rezeki dalam lakonan.

"Bercakap pasal istiqamah, ia kena lahir daripada hati. Buat kerana Allah. Bukan untuk tunjuk kepada orang lain yang kita ini berubah atau buat baik. Kita tahu perkara itu adalah wajib buat, tidak ada alasan, kena lakukan. Kalau cakap buka tudung, rezeki lagi murah. Saya tak percayakan itu," ujarnya.

Tambah Sherry, sejak mengenakan hijab, dia sudah menetapkan babak lakonan tidak boleh bersentuh.

"Ada pernah, babak kena culik, tapi ia berlapis. Tentang solat pula, walaupun shooting, saya tetap cari masa untuk solat. Itu tanggungjawab kita kepada Allah.

Tidak ada alasan untuk tidak laksanakan," ujarnya.

Ketika menunaikan ibadah umrah hujung tahun lalu, Sherry memberitahu dia tidak lupa untuk mendoakan soal jodoh lebih-lebih lagi setiap kali menziarahi tempat-tempat yang dikatakan mustajab untuk berdoa.

"Bukan tak nak kahwin, tetapi tidak berkahwin juga bukan satu dosa kerana Allah SWT mahu jadikan kita yang terbaik. Apa-apa pun, saya berserah pada Allah. Mungkin ada hikmah saya belum bertemu jodoh sehingga hari ini.

"Saya kena perbaiki diri sendiri dahulu dan jaga ibu bapa. Kita kena tengok juga daripada sudut positif.

"Kalau orang bertanya (tentang jodoh), memang saya terasa juga. Sebab siapa yang tidak mahu berkahwin? Percintaan saya sebelum ini semuanya tidak menjadi, belum sampai waktu. Nak buat macam mana?" katanya lagi yang sibuk dengan beberapa kerja amal sepanjang Ramadan ini.

Esma teruja ada teman berbuka

AKTOR berpengalaman, **Esma Daniel**, 55, teruja berpuasa bersama isteri baharunya, Nur Atira Mazlan, 31, yang dinikahi pada Mei tahun lalu. Baginya kehadiran Atira tepat pada waktunya di kala dia memerlukan teman hidup.

"Ramadan ini sudah tentunya momen yang indah apabila dapat kembali berpuasa bersama pasangan. Lain rasanya apabila ada isteri yang menemani ketika berbuka dan bersahur. Saya bertuah mempunyai isteri yang sangat memahami meskipun jarak perbezaan umur kami adalah 20 tahun," katanya.

Pernah mengalami kegagalan rumah tangga sebanyak dua kali, Esma akui tidak mudah buat dirinya berkahwin untuk kali ketiga.

"Dengan umur sekarang, kita tahu kena ada teman. Tambah pula saya pernah berkahwin sebelum ini. Dalam hidup memang kena berteman. Sebagai orang yang pernah gagal dalam rumah tangga, sudah tentu ia ambil masa untuk berkahwin lagi.

"Tidak dinafikan, bila hidup solo, muka ketat saja. Saya pula suka hidup berumah tangga. Cuma bila nak kahwin baru, lebih berhati-hati. Tak boleh cakap ini kali terakhir atau takkan kahwin dah. Kita hanya merancang.

"Dulu muda, mungkin agak panas baran, tak fikir panjang.



Tapi sekarang dah berbeza. Sebagai orang sudah berumur, kita kena faham perangai orang muda," jelasnya.

Sementara Atira pula bersyukur dikurniakan suami yang lebih berusia dan matang. Baginya, lelaki berusia lebih pandai menjaga hati wanita muda sepertinya.

"Macam abang Esma dia seorang yang matang, sangat memahami dan penyabar. Kami banyak berbincang meskipun ada perbezaan pendapat. Bagi saya, kalau pasangan sama-sama muda, mereka cepat marah atau melenting, itu yang membuatkan hubungan mudah putus.

"Apa-apa pun, tua atau muda, bukanlah faktor penentu bahagia. Paling penting saling memahami dan menerima pasangan seadanya," ujarnya.

Selain itu, Esma juga memberitahu dirinya lebih berhati-hati dalam soal kesihatan selepas pernah diserang angin ahmar, November tahun lalu.

Sehingga ke hari ini, Esma bersyukur diberikan kesihatan meskipun masih perlu mengambil ubat khas selama setahun dengan kos yang agak mahal.

"Saya sudah pulih sepenuhnya. Namun, kena patuhlah dengan nasihat doktor sebab bila sudah terkena, semestinya ada rasa waspada. Siapa yang pernah kena angin ahmar, peluang untuk kena lagi memang tinggi," ujarnya selama satu tahun dia perlu makan ubat yang agak mahal.

Isteri usah kawal suami

AKHIR-AKHIR ini banyak kisah curang sama ada dalam kalangan artis atau masyarakat di luar sana. Kurang pasti apa puncanya, namun isu ini menjadi perbualan hangat sehingga ada para isteri yang mula meragui suami mereka.

Menyentuh soal kepercayaan, penyanyi popular, **Datin Alyah** mengaku mengikuti isu ini namun tidak memberi kesan terhadap sehingga meragui kepercayaan suaminya, pengarah muzik, Datuk Ramli MS.

"Saya tak boleh jangka apa yang akan terjadi pada masa depan, jadi saya banyak belajar daripada pengalaman. Kalau kita kawal (suami) pun, jika nak jadi apa-apa akan tetap terjadi. Bila suami atau saya keluar rumah untuk bekerja, saya akan amalkan baca surah al-Fatihah serta ayat Kursi untuk diri sendiri. Itu sajalah.

"Saya pun tak pernah buka telefon suami. Saya memang langsung tak pernah terfikir nak buka atau periksa sebab yakin Allah Maha Tahu," katanya.

Alyah berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Produk Twomee Health Beauty dan pelantikannya sebagai duta di sebuah hotel di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Memahami tugas suami yang sering bekerja dengan ramai penyanyi wanita, tidak membuatkan Alyah mudah

melatah. Baginya, isteri tidak boleh mengawal suami namun sentiasa berdoa dan yakin dengan Allah menjadikannya kuat.

"Masuk saja fasa 10 tahun perkahwinan, kehidupan kami lebih tenang berbanding awal-awal dulu. Alhamdulillah kini kami lebih banyak belajar daripada pengalaman lalu," ujarnya.





WILAYAHKU

● BIL 254 ● 15 - 21 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Nur Shazrin sedia ke
Olimpik Paris 2024



Imarah bulan mulia dengan program ilmiah bermanfaat

PROGRAM Ihya Ramadan peringkat Wilayah Persekutuan bertemakan Ramadan Sejuta Rahmah mampu mengimarahkan bulan yang penuh barakah dengan pelbagai pengisian program seperti ibadah, kerohanian, pembudayaan ilmu dan kemasyarakatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata program yang diadakan itu bagi memastikan bulan Ramadan diisi dengan pelbagai program keilmuan yang boleh memberi manfaat.

"Jadi dengan adanya program sepanjang Ramadan, masyarakat Islam berpeluang untuk belajar dan mendapat ilmu pengetahuan sebenar daripada program yang diaturkan.

"Secara amnya, program seumpama ini diharap dapat



NA'IM bersama penerima Bantuan Persediaan Ramadan MAIWP di Masjid Putra, Putrajaya.

memperkuatkan hubungan dan kerjasama semua pihak dalam usaha memperkasa penyampaian mesej agenda Malaysia MADANI dan Transformasi Al-Falah demi memartabatkan Islam dan membangunkan

negara ini," ujar beliau selepas merasmikan Majlis Sambutan Program Ihya' Ramadan Peringkat Kebangsaan 2024 di Masjid Putrajaya, baru-baru ini.

Antara program yang diaturkan adalah

Ceramah Ambang Ramadan, Program Tadarus Al-Quran, Program Agihan Bubur Lambuk MADANI, Iktikaf Ramadan dan Ziarah Kasih Ramadan.

Menariknya, pada tahun ini, orang ramai berpeluang menyertai Program Singgah Sahur Ramadan, Kembara Tazkirah Ramadan (16 agensi), Iftar MADANI Bersama Orang Kurang Upaya (OKU), Ramadan Mosque Open Day dan Gema Takbir Aidilfitri.

Terdahulu, Agensi Hal Ehwal Islam Wilayah Persekutuan di bawah seliaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mengimarahkan bulan Ramadan tahun ini dengan pelbagai program menarik.

Antaranya radio di bawah IKIM FM menyajikan IKIM Merentas Benua:Uzbekistan, Tip Ramadan, Wanita Dalam Islam, Forum Bicara Ad Din dan Tazkirah Ramadan.

Trend #doneterawih

Elak perasaan riak ketika ibadah

HAZIRAH HALIM

BEBERAPA tahun kebelakangan ini, tatkala menjelang Ramadan, umat Islam di negara ini seolah-olah berlumba-lumba untuk mengemas kini akaun media sosial dengan gambar mengerjakan solat Tarawih diikuti tanda pagar #doneterawih.

Fenomena tersebut kadangkala mendatangkan salah faham sehinggakan terdapat segelintir individu yang memberi persepsi negatif sekali gus menganggap ia hanya sekadar untuk menunjuk-nunjuk.

Mengulas tentang perkara tersebut, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, **Jamali Mohd Adnan** berkata penggunaan tanda pagar berkenaan tidak salah sekiranya ia mempunyai mesej yang baik dan tidak disalahertikan.

"Dalam dunia digital masa kini, sudah menjadi trend atau content di mana-mana sahaja, jadi bagi saya asalkan niatnya baik misalnya mengajak orang untuk solat Tarawih

bersama-sama dengan menggunakan tanda pagar #doneterawih, ia boleh dikategorikan sebagai satu dakwah.

"Namun penggunaan akan menjadi salah jika seseorang mempunyai niat untuk riak dalam menunjuk-nunjuk apa yang dilakukan seperti ibadah solat. Kita cuba elakkan inilah yang kita bimbang bahawa dosa yang dilarang Allah SWT. Jangan ada perasaan riak, menunjuk-nunjuk dalam diri melainkan tujuannya untuk menyebarkan kebaikan," ujarinya.

Dalam masa yang sama, beliau mengharapkan umat Islam menggunakan pengaruh media sosial sebaiknya untuk mengajak ke arah kebaikan terutamanya pada bulan yang penuh berkah ini.

Firman Allah SWT menerusi ayat kedua dalam Surah Al-Maidah menyebut "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksud) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya)."

"Seperti tanda pagar yang sedang menjadi fenomena masa kini iaitu #gengsubuhmacamjumaat oleh penyanyi Alif Satar, ia juga menjadi salah satu dakwah sebagai seorang pempengaruh media sosial yang menyebarkan perkara positif kepada masyarakat.

"Walaupun sibuk dengan kerjaya dalam industri hiburan, namun dia masih mendekatkan diri dengan Allah.

Kesimpulannya, ia tidak salah namun cara penggunaan tanda pagar tersebut perlu jelas dengan niat yang murni dan baik," ujar beliau.

Kedatangan bulan Ramadan kali ini pastinya ditunggu-tunggu oleh umat Islam namun terdapat juga yang masih tidak sempat untuk menggantikan puasa pada tahun sebelumnya di atas pelbagai faktor.

"Diharapkan agar umat Islam tidak mengambil mudah mengenai bayaran fidyah (denda) puasa yang wajib dilaksana oleh mana-mana individu yang telah baligh dan gagal menggantikan puasa Ramadannya pada sesuatu jangka masa sehingga tiba Ramadan tahun berikutnya.

"Dalam Islam, fidyah adalah suatu yang diwajibkan kepada mereka yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu atau pun sengaja melewati puasa ganti (qada) pada bulan Ramadan.

"Meskipun fidyah perlu dibayar individu berkenaan namun mereka juga wajib menggantikan puasanya dalam tempoh tahun yang sama atau sebelum Ramadan akan datang," ujar beliau sekiranya melangkaui tahun atau bulan Ramadan akan datang, mereka perlu membayar fidyah berganda.

Tegas beliau, mereka yang meninggalkan puasa hendaklah segera menggantikannya supaya tidak perlu bayar fidyah berganda dan paling membimbangkan tidak sempat untuk menggantikan puasa kerana tidak tahu bila tibanya ajal.

"Jangan sampai kita berhutang dengan Allah SWT antaranya hutang berpuasa," ujar beliau.